

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUAABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIISNIN: 29 MAC 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 10 HINGGA 73)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

M1b10

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

SJ.B/(62)

DARIPADA **PUAN NURULIZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **: 29.03.2010** **ScA4an No ; 16**

Puan Nurul **Izzah Binti Anwar** (Lembah Pantai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tindakan Kerajaan setelah UBS Investment Research menyenaraikan Malaysia sebagai negara Asia yang paling parah mengalami penurunan rizab antarabangsa dengan aliran kewangan yang kritikai akibat pengeluaran modal secara besar-besaran hampir 50% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau RM355 bilion pada kiraan semasa sepanjang tahun 2009. Sila jelaskan secara terperinci.

dan

SJ.B/(123)

DARIPADA **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **14.04.2010**

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta MENTERI

KEWANGAN menyatakan alasan bagi kemerosotan/kejatuhan rizab antarabangsa Malaysia dan aliran wang keluar sebanyak RM355 bilion atau 50% KDNK dan langkah-langkah untuk meremedikan situasi.

dan

SJ.B/(124)

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 14.04.2010

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada trend pengaliran keluar modal dari Malaysia yang telah menjaskan kedudukan rizab antarabangsa pada tahun lalu, adalah suatu yang membimbangkan dan sekiranya begitu, apakah langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai yang dijadualkan pada hari ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Rembau dan Selayang pada 14.04.2010, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, trend pengurangan rizab antarabangsa negara bermula sejak bulan Julai 2008, dan fenomena ini turut dialami oleh negara-negara lain termasuk di rantau Asia, ini berpunca sebahagian besarnya daripada krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat yang telah mengakibatkan kegawatan ekonomi dunia pada tahun 2009 dan seterusnya menggugat aliran modal dan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan rizab antarabangsa negara sebenarnya telah beransur meningkat kembali sejak pertengahan tahun 2009 iaitu daripada paras yang rendah RM320.7 bilion atau USD87.8 bilion pada akhir Mac 2009 kepada RM322.9 bilion atau USD91.5 bilion pada akhir Jun 2009.
3. Malahan, paras rizab ini semakin bertambah sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 bilion atau USD96.7 billion pada tahun 2009 berbanding RM317.5 bilion atau USD91.5 bilion pada tahun 2008. Pertambahan jumlah rizab ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aliran masuk bersih perdagangan dan perkhldmatan sebanyak RM144.7 bilion. Pada tahun yang sama, jumlah aliran masuk bersih pelaburan portfolio turut mencatatkan lebihan sebanyak RM0.8 bilion berbanding dengan defisit sebanyak RM84.4 bilion pada tahun 2008. Sejajar dengan trend peningkatan tersebut, paras terkini rizab negara iaitu pada 15 Mac 2010 kekal

kukuh sebanyak RM331.7 bilion atau USD96.8 billion. Paras ini mampu menampung 9.2 bulan import tertangguh dan 4.3 kali lebih tinggi daripada hutang iuar jangka pendek.

4. Untuk makluman Ahl-Ahli Yang Berhormat, paras rizab pada tahun 2009 merupakan 49.1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan saiz peratusannya adalah menggalakkan meskipun negara berhadapan dengan krisis kewangan global yang amat mencabar. Kedudukan saiz peratusan rizab ini pula jauh lebih baik berbanding 32.2% pada tahun 2001 semasa ekonomi global berhadapan dengan impak serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat dan 35.1 % pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi memperkuatkan lagi paras rizab negara, Kerajaan ternas menyediakan persekitaran pembiagaan dan pelaburan yang lebih baik serta merancakkan lagi aktiviti mempromosi barang eksport negara dan meneroka pasaran baru serta menarik lebih ramai kemasukan pelancong asing. Langkah-langkah yang dilambil untuk menarik pelancong asing telah menampakkan kesannya dengan peningkatan bilangan kemasukan pelancong asing kepada 23.6 juta orang pada tahun 2009 berbanding 22.0 juta orang pada tahun 2008. Ini juga disokong dengan langkah terkini Kerajaan untuk mengadakan pelbagai perjanjian perdagangan bebas dengan rakan dagang utama negara, termasuk Australia dan India.

6. Pelbagai langkah agresif dan inovatif telah pun diambil bagi meningkatkan kegiatan pelaburan termasuk kemasukan pelaburan asing ke Malaysia, ini termasuk pengumuman semasa Seminar *Invest*

Malaysia 2009 pada 30 Jun tahun lepas, antaranya langkah liberalisasi 27 subsektor perkhidmatan, pelonggaran garis panduan FIC meliputi pembelian hak ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan serta liberalisasi sepenuhnya industri pengurusan dana dan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah baru untuk menggiatkan lagi pelaburan akan diperkenalkan dalam Seminar *Invest* Malaysia 2010 pada hujung bulan Mac ini.

7. Dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan, kegiatan pelaburan dijangka dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat menarik pelaburan luar dan meningkatkan eksport negara. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan yakin usaha-usaha ini dapat memperkuatkan lagi kedudukan rizab antarabangsa negara.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**
[LABUAN]

TARIKH **29 MAC 2010 (ISNIN)**

SOALAN

Datuk Haji Yus off Bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI

PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kementerian sedar keadaan Stesen Radio Malaysia Labuan (RML) tidak dapat diterima di enam buah kampong di WP Labuan berikutan kapasiti stesen RML hanya ‘phase’ berbanding stesen di negeri lain yang boleh diterima di seluruh negeri meskipun di pedalaman. Adakah cadangan untuk menaiktaraf stesen ini agar semua penduduk WP Labuan dapat menerima siaran radio Kerajaan RML.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menjawab soalan ini.

Kementerian memang sedar bahawa terdapat kawasan di Labuan yang tidak dapat menerima perkhidmatan siaran radio RTM. Ini adalah kerana kawasan tersebut berada di luar kawasan liputan atau isyarat radio yang dilindungi oleh bukit.

Sehubungan dengan itu, RTM telah membuat kajian bagi mengatasi masalah tersebut. Hasil kajian menunjukkan antara enam (6) buah kampung yang dibangkitkan hanya 3 sahaja yang tidak dapat menerima siaran dengan jelas iaitu Kampung Lubok Temiang, Kampung Pohon Batu dan Kampung Batu Manikar. Sehubungan dengan itu, satu pemancar akan dibina di kawasan Pohon Batu bagi mengatasi masalah liputan siaran di kawasan tersebut.

Peruntukan juga telah dipohon di bawah RMK-10 untuk menambah pemancar bagi meluaskan liputan siaran di kawasan terlindung seluruh negara termasuklah di kawasan yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, ini terpulang kepada kelulusan peruntukan yang telah dipohon.

Walau bagaimanapun, demi meningkatkan perkhidmatan, Kementerian sentiasa bersedia bekerjasama dengan stesen swasta umpamanya TV3 Media Prima Bhd sama ada mengadakan perkongsian pemancar ataupun mereka digalakkan untuk menambah bilangan pemancar sendiri sekiranya sesuai.

PEMBERITA
HUAN
PERTANYAA DEWAN RAKYAT
N BAGI
JAWAB
LISAN
PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA YB GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH **29 MAC 2010**

SOALAN [12] YB TUAN GWO-BURNE LOH meminta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan tarikh susulan
mengenai Penilaian Penggalan Sejagat (*the Universal
Periodic Review*) di bawah PBB yang mana penilaian
peringkat pertama diadakan pada 11 Februari 2009 yang
lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya di atas soalan yang dikemukakan.

2. Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, Malaysia telah melalui proses semakan laporan negara di bawah *Universal Periodic Review (UPR)* **dengan izin**, di mesyuarat Kumpulan Kerja Hak Asasi Manusia atau **dengan izin**, *Working Group of Human Rights Council (HRC)*, mengenai UPR pada 11 Februari 2009. Selanjutnya, HRC di Mesyuarat Sesi Kesebelasnya pada 12 Jun 2009 telah menerima hasil semakan laporan negara Malaysia oleh Kumpulan Kerja berkenaan yang mengandungi antara lainnya pandangan dan penjelasan Malaysia ke atas saranan-saranan yang dikemukakan oleh negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
3. Untuk makluman, pusingan pertama proses UPR ini masih belum berakhir. Sehingga kini, terdapat 80 buah negara anggota PBB yang masih belum membentangkan laporan mereka untuk semakan di bawah proses UPR.
4. Proses semakan laporan negara Malaysia di bawah UPR seterusnya akan diadakan pada tahun 2013, iaitu empat tahun selepas semakan peringkat pertama. Tarikh tepat tidak dapat dinyatakan buat masa kini kerana ia bergantung pada program kerja HRC pada tahun tersebut. Selain itu, cabutan undi akan diadakan untuk menentukan

jadual kesemua negara anggota PBB untuk membentangkan laporan mereka kepada HRC.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**
 [PARIT - BN]
TARIKH **29 MAC 2010 (ISNIN)**

SOALAN NO. 13

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dan menjelaskan pelan operasi bagi mengatasi masalah sosial seperti mat rempit bagi melahirkan insan belia yang dinamis dan berintegriti.

JAWAPAN:

1. Bagi melahirkan generasi belia yang dinamis dan berintegriti serta bebas daripada masalah sosial, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan dan menggunakan pakai empat (4) dokumen penting dalam proses perencanaan pembangunan belia negara. Empat dokumen tersebut adalah:
 - I. Dasar Pembangunan Belia Negara 1997;
 - II. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional 2004;
 - III. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007; dan
 - IV. Gagasan 1 Belia 1 Malaysia.
2. Selain itu, Kementerian turut mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program-program yang berteraskan kepada Lapan (8) Gaya Hidup Rakan Muda serta program-program Rakan Muda Wawasan Desa, Rakan Muda Jiran Muda dan Rakan Muda Sukarelawan.
3. Berkenaan isu mat rempit, pada tahun ini Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.6 juta untuk pembangunan sukan bermotor dengan 203 program akan dilaksanakan di seluruh negara. Program-program sukan bermotor ini akan dilaksanakan dengan kerjasama kelab dan persatuan sukan bermotor di seluruh negara. Ini merupakan salah satu kaedah untuk menarik minat dan menggalakkan penyertaan belia terutamanya yang terlibat dalam aktiviti lumba haram.

4. Antara program serta aktiviti sukan bermotor yang dirancang adalah Kursus Asas Go-Kart, Siri Drift KBS, Formula KBS Go-Kart dan Mini Bike, Sirkit Motorcross, Sirkit Cup Prix KBS dan Kursus Teknikal Sukan Bermotor.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

[SIK]

TARIKH

29 Mac 2010

SOALAN

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan jambatan baru menggantikan jambatan sempit di Kg Gajah Putih dan jambatan sempit Kg Charok Tenang (Sg Senam) yang telah dibina sejak zaman awal kemerdekaan lagi yang telah berlaku banyak kemalangan maut. Bilakah Jambatan ini akan dibina semula sebelum lebih ramai pengguna yang menjadi mangsanya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jambatan Sg Beruk di Jalan Gajah Putih terletak di jalan negeri K17. Permohonan perlaksanaan projek ini telah dimasukkan di dalam RMKe-10 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Manakala, Jambatan sempit di Kg Charok Tenang (Sg Senam) adalah terletak di Laluan Persekutuan 175. Kementerian Kerja Raya mengambil

maklum akan permohonan untuk menggantikan jambatan ini dan telah pun dipohon dalam RMKe-10 untuk dipertimbangkan.

NO SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
	(KOTA BELUD) 29 MAC
TARIKH	2010

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menangani isu mengenai pribumi di Sabah dan Sarawak seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan November 2009 yang lepas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Menyedari bahawa kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak masih ketinggalan khususnya dalam bidang sosio-ekonomi, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 14 Oktober 2009.

Serentak dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet ini, kerajaan juga telah bersetuju untuk memperkemaskan lagi Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Y.B Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Antara perkara-perkara yang diberi fokus oleh jawatankuasa ini adalah kemudahan infrastruktur asas, pembasmian kemiskinan, penyertaan dalam perkhidmatan awam, tawaran biasiswa, pemberian kontrak kerajaan dan program pembangunan usahawan.

Dalam mesyuarat yang diadakan pada 5 November 2009. Jawatankuasa Teknikal telah memutuskan supaya isu dan cadangan untuk meningkatkan taraf hidup kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak dibincangkan di dalam *Lab Bumiputera Sabah dan Sarawak* yang telah diadakan pada 3 Februari hingga 5 Mac 2010. *Lab* ini dikendalikan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) yang melibatkan seramai lebih daripada 100 orang yang terdiri dari anggota perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri, Badan-badan Bukan Kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan komuniti perniagaan. *Lab* ini telah membincangkan langkah-langkah dan inisiatif untuk

meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam lima (5) bidang iaitu:

- i) Pendidikan;
- ii) Ekonomi;
- iii) Pembangunan Sosial;
- iv) Kemudahan Infrastruktur;
dan
- v) Native Customary Right

Penemuan dan cadangan *lab* ini akan seterusnya dibincangkan secara terperinci di peringkat Jawatankuasa Teknikal yang dijangka diadakan pada penghujung bulan Mac ini sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet Bumiputera Sabah dan Sarawak pada awal April 2010.

m/6
SJ.B/(57)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 29.03.2010 SOALAN NO: 16

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah dana dikirim ke luar negara yang melanggar seksyen 30 dan 35 Akta Pengurusan Wang 1998 sejak tahun 2006; dan
- (b) sama ada aktiviti-aktiviti pengiriman dana ini terlibat dalam money laundering and terrorism financing. Jika ya, apakah tindakan

Kerajaan.

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 01.04.2010

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (c) sama ada benar pada tahun 2008, Mohd Hassan dan Datjn Seri Rosmah Mansor mengirimkan dana ke luar negeri melalui Saiamah Ali Money Changer Sdn Bhd yang melanggar Akta Pengurup Wang 1998; dan
- (d) apakah tindakan undang-undang diambil terhadap pengirim yang melanggar undang-undang.

JAWAPAN:

Tuan Yang dl-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Batu bersama-sama soalannya yang dijadualkan dijawab pada 1 April 2010 kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka dari tahun 2006 sehingga kini, pelbagai tindakan di bawah Akta Pengurusan Wang 1998 (Akta) telah diambil ke atas pengurup-pengurup wang berlesen yang melanggar peruntukan Akta seperti pembatalan lesen, pengenaan kompaun oleh Bank Negara Malaysia dan tindakan denda oleh mahkamah. Amaran juga dikeluarkan kepada pengurup wang berlesen yang

berkenaan supaya kesalahan serupa tidak berulang.

2. Sehingga kini, pihak Bank Negara Malaysia teah membatalkan 44 lesen pengurup wang yang teah disabitkan dengan pelbagai kesalahan berkaitan pengiriman dana ke luar negara atau kesalahan lain di bawah Akta. Kertas-kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2008 dan 2009 mengenai pengiriman dana ke luar negara oleh pengurup wang berlesen yang disyaki melanggar seksyen 30 Akta masih dalam pelbagai peringkat siasatan dan maklumat mengenai siasatan tersebut adalah sulit. Sekiranya pengurup wang berlesen didapati melanggar peruntukan akta lain yang di luar bidang kuasa pihak Bank Negara Malaysia, hasil siasatan akan dipanjangkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

3. Bank Negara Malaysia boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pengirim dana yang membuat penghantaran dana ke luar negara secara haram di bawah Akta yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu. Sekiranya hasil siasatan pihak Bank Negara Malaysia mendapati pengiriman dana itu melibatkan aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, pengirim dana itu juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang jika sabit kesalahan boleh didenda

tidak melebihi RM5 juta atau dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun
ataupun kedua-duanya sekali.

SOALAN 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK SERI DR FONG CHAN

ONN [ALOR GAJAH]

TARIKH

29 MAC 2010

SOALAN

Meminta

MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

apakah perancangan Kerajaan Persekutuan untuk memperkembangkan Bandar raya Kuala Lumpur dan bandar utama lain seperti Georgetown, Kota Kinabalu dan Kuching sebagai pusat tarikan antarabangsa yang terkenal untuk pelancongan serta jumlah peruntukan perbelanjaan untuk perancangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan sentiasa mempromosikan bandar-bandar utama di negara ini seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Kota Kinabalu dan Kuching sebagai pusat tarikan pelancongan. Di samping itu, bandar-bandar lain termasuk negeri-negeri yang mempunyai potensi untuk menarik pelancong-pelancong turut dipromosikan secara bersama demi membangun dan meningkatkan lagi sektor pelancongan negara.

Sebagai pendekatan baru, Kementerian Pelancongan sedang giat mempromosikan produk-produk pelancongan di setiap negeri melalui ikon tarikan pelancongan. Ini adalah bagi meningkatkan fokus ke atas destinasi-destinasi pelancongan yang spesifik serta menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke destinasi-destinasi tersebut. Misalnya di Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan mempromosikan ikon-ikon seperti *Bintang Walk*, Menara Kuala Lumpur, Masjid Negara, dan *Petaling Street*

Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang unggul, Kerajaan amat menitik-beratkan penglibatan setiap negeri dalam membangunkan sektor pelancongan negara. Sejumlah RM970.5 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk menambah baik

kemudahan dan infrastruktur serta membangunkan produk pelancongan yang inovatif di setiap negeri. Sehubungan itu, sejumlah RM45.3 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan infrastruktur dan produk- produk pelancongan di Kuala Uimpur, Georgetown, Kuching dan Kota Kinabalu.

N⁶,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN [18] YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah sebab Duta Mohd Arshad Manzoor Hussain dipecat sebagai Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu di Vienna walaupun tindakan beliau adalah selaras dengan prinsip- prinsip Gerakan Negara-negara Berkecuali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : YB TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

DARIPADA

(a) apakah punca Wisma Putra

TARIKH SOALAN memanggil balik Wakil Tetap
Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-

DEWAN RAKYAT Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Arshad
Manzoor Hussain berhubung pengundian pada mesyuarat IAEA di Vienna pada 27 November; dan

JAWAB LISAN

(b) apakah rujukan atau arahan Wisma Putra sebelum pengundian tersebut serta apakah pendirian Malaysia dalam IAEA.

YB TUAN CHUA
TIAN

CHANG [
BATU]

31 MAC 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : RAKYAT MALAYSIA JAWAB

LISAN
DARIPADA

YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [
TARIKH KUALA KRAI]

SOALAN 1 APRIL 2010

D YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA
KRAI] minta MENTERI LUAR NEGERI

E menyatakan punca sebenar Kerajaan memanggil
balik Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa

W Bersatu di Vienna dan menamatkan perkhidmatan
beliau ekoran tindakan beliau semasa pengundian

A resolusi mengecam Iran atas isu nuklear.

N

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN :

AN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN

S APRIL 2010

D

YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

E

minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sebab
mengapa wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan

W

Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Austria dipanggil
pulang dan kontrak beliau tidak dilanjutkan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Subang bertarikh 29 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Batu bertarikh 31 Mac 2010, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Rembau bertarikh 5 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

2. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan pengundian Malaysia ke atas satu resolusi yang dibentangkan oleh negara Jerman di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa *atau dengan izin, International Atomic Energy Agency, (IAEA)* yang diadakan pada 27 November 2009 di Vienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Resolusi tersebut pada keseluruhannya mengecam Iran kerana tidak telus dalam soal pembangunan tenaga nuklearnya dan menyeru Iran supaya memberikan kerjasama penuh kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi menentukan supaya Agensi tersebut dapat mengesahkan bahawa program nuklear Iran adalah untuk tujuan aman, iaitu selaras dengan obligasi Iran kepada masyarakat antarabangsa.

4. Seperti yang diketahui umum, selain dari Cuba dan Venezuela, Malaysia merupakan antara 3 buah negara yang mengundi menentang resolusi tersebut, 25 negara menyokong dan 6 lagi berkecuali.

Kebanyakan negara-negara membangun termasuk dari kalangan anggota

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah mengundi menyokong ataupun berkecuali terhadap resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam soal pengundian terhadap resolusi yang penting di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, semua wakil-wakil Malaysia di luar, negara perlu mendapatkan kelulusan daripada pegawai atasan Kementerian Luar Negeri dan [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri sendiri. Tertakluk kepada kepentingan Negara, Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pendirian kumpulan yang diambil oleh negara-negara membangun termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Dalam hal ini, Perwakilan Malaysia di Vienna telah mengundi untuk menentang resolusi ini walaupun pada ketika itu telah jelas bahawa Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tidak sepakat dalam pendiriannya terhadap resolusi tersebut.

6. Dalam hubungan ini, Perwakilan Malaysia di Vienna tidak mendapatkan kelulusan [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri untuk mengundi menentang resolusi tersebut walaupun Pergerakan Negara- Negara Berkecuali tidak mempunyai pendirian kumpulan. Dengan demikian, Dato' Arshad telah dipanggil pulang untuk memberi penjelasan terhadap pendirian yang telah dibuat oleh beliau atas resolusi tersebut kepada pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dan juga [Yang Berhormat] Menteri Luar Negeri.
Tuan Yang di-Pertua,

7. Saya ingin menjelaskan bahawa Dato' Arshad tidak dipecat seperti yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dato' Arshad telah bersara wajib pada tahun 2007. Atas budi bicara Kerajaan, perkhidmatan beliau telah dilanjutkan secara kontrak tahunan sebanyak 3 kali.

Secara kebetulan, kontrak beliau dengan Kerajaan tamat pada 11 Mac 2010.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**
 [TANJONG MANIS]

TARIKH **29 MAC 2010**

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian terhadap pengedar-pengedar kereta Toyota Prius, Honda Jazz dan Honda City yang dipanggil balik di merata dunia untuk dibaikpulih memandangkan kadar kemalangan di Malaysia semakin membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenderaan-kenderaan yang mempunyai masalah kualiti pembuatan atau pemasangan yang tidak memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan akan dibuat pemeriksaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan jika didapati benar, pengeluar kenderaan adalah diminta untuk membuat pembaikan dengan kadar segera. Dalam kes kenderaan Toyota Prius, Honda Jazz dan Honda City, pengeluar-pengeluar kenderaan tersebut telah memberi pengesahan mengenai jumlah model mereka yang terlibat dengan masalah ini. Pihak pengeluar kenderaan telah memohon supaya pemilik kenderaan yang terbabit untuk hadir membuat pemeriksaan / baik pulih selanjutnya secara percuma.

Pada masa ini, Kerajaan sedang dalam tindakan untuk menubuhkan satu badan yang bertujuan untuk mengawalselia kualiti pembuatan pemasangan termasuk keselamatan kenderaan-kenderaan yang telah dipasarkan oleh pihak pengeluar-pengeluar kenderaan. Badan ini akan diwujudkan di bawah Jawatankuasa Tetap Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) & Homologation yang akan diketuai oleh Ketua Pengarah JPJ.

NO.AUM : 44

NO. AUP : &

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2405

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap pengiklanan khidmat pembantu asing beragama Islam dari Indonesia yang

diiklankan bersedia menyedia dan mengendalikan masakan daripada haiwan babi seperti yang dibuat oleh syarikat Agensi Pekerjaan Philimore Sdn. Bhd. dalam laman webnya www.philimo.com; dan

- (b) apakah langkah dan tindakan pemantauan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pembantu-pembantu beragama Islam ini terjaga dan terbeia agamanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius akan dakwaan bahawa terdapat agensi pekerjaan PRA di Malaysia yang mengiklankan khidmat PRA yang bersedia menyedia dan mengendalikan masakan berunsur babi. Sekiranya dakwaan tersebut benar, Jabatan Imigresen Malaysia akan membatalkan pendaftaran pengambilan PRA oleh agensi pekerjaan berkenaan.

Secara dasarnya, majikan yang bukan beragama Islam adalah dibenarkan untuk menggaji PRA beragama Islam tertakluk kepada syarat menyediakan tempat tinggal yang sesuai untuk membolehkan PRA beribadat dan tidak

mengarahkan atau membenarkan PRA melakukan kerja-kerja rumah yang haram di sisi agama Islam seperti kerja -kerja yang berkaitan dengan anjing dan babi.

Majikan adalah dikehendaki menandatangani Borang Perakuan Pengambilan PRA Beragama Islam yang menyebut perakuan majikan tidak menghalang dan mengganggu PRA untuk melakukan ibadat harian seperti sembahyang lima waktu setiap hari, berpuasa di bulan Ramadhan serta tidak melakukan kerja-kerja yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti menguruskan anjing dan memasak babi. PRA juga dikehendaki menandatangani Borang Perakuan PRA Islam yang menyatakan persetujuan bekerja dengan majikan bukan Islam.

Namun yang demikian, sekiranya Jabatan Imigresen Malaysia menerima aduan berhubung perlanggaran syarat di atas, majikan akan disenaraihitamkan daripada kemudahan mendapatkan PRA.

PEMBERITA
HUAN
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN
RAKYAT

JAWAB LISAN
DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN
MOHAMED

TARIKH 29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN NO.21

Dato' Sri **Ir.** Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menanam semangat kenegaraan bagi pelajar yang belajar di luar negara di mana mereka sering memburuk-burukkan pemimpin negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dirancang dan dilaksanakan bagi menanam semangat kenegaraan kepada pelajar terutama kepada mereka yang belajar di luar negara. Usaha-usaha mendampingi pelajar memang telah dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai program pembangunan sahsiah pelajar luar negara, di antaranya ialah:-

- i. Program kenegaraan dan kepimpinan.
- ii. Program perpaduan dan integrasi.

- iii. Program keusahawanan dan pembangunan kerjaya.
- iv. Program kesukinan dan kebudayaan.

Bagi penuntut Malaysia yang akan melanjutkan pengajian ke negara timur tengah, mereka diwajibkan menjalani kursus kenegaraan anjuran Biro Tatanegara. Pada tahun 2009, sebanyak empat sesi kursus kenegaraan telah dijalankan kepada pelajar.

NO SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN DATUK ERIC ENCHIN
TARIKH MAJIMBUN
29 MAC 2010

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah nilai saham yang dibeli oleh pihak FELDA daripada pengusaha gula Kok Brothers dan apakah tujuan sebenar Kerajaan menaikkan harga gula yang dikawal.

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah membuat pelaburan dalam industri gula melalui pembelian 100 peratus (%) ekuiti di dalam Malayan Sugar Manufacturing (MSM), 50% pegangan ekuiti di dalam Kilang Gula FELDA Perlis, pembelian ladang tebu di Chuping milik PPB dan saham Tradewinds (M) Berhad (TWM) yang merupakan 20% pegangan ekuiti di dalam TWM dengan nilai keseluruhan berjumlah RM1.5 billion. Pelaburan ini dijangka akan menjadikan FELDA sebagai pengeluar utama dalam industri gula di Malaysia dan seterusnya di rantau Asia.

Kenaikan harga gula pada Januari 2010 adalah disebabkan peningkatan harga gula mentah dunia pada Disember 2009 sebanyak RM2.20 sekilogram (USD 0.284/lb) berbanding dengan harga gula mentah melalui Kontrak Jangka Panjang (LTC) sebanyak RM1.35 sekilogram (USD

0.175/lb). Dengan kenaikan harga gula mentah ini menyebabkan kos pengilang tempatan (termasuk kos pemprosesan, kos pengedaran dan margin keuntungan pihak pengilang) meningkat sebanyak anggaran RM1.00 sekilogram berbanding 60 sen sekilogram pada awal tahun 2009.

Berdasarkan anggaran penggunaan gula dalam negara pada 2010 sebanyak 1.26 juta tan metrik, tanggungan subsidi gula akan meningkat kepada RM 1.26 bilion setahun (kadar subsidi ialah RM1.00 sekilogram). Walaupun harga dinaikkan sebanyak 20 sen, Kerajaan masih menanggung subsidi sebanyak RM 1.008 bilion setahun (dengan kadar subsidi sebanyak 80 sen sekilogram). Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding tanggungan subsidi pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM720 juta setahun.

00000000000000000000

PERTANYAAN
DARIPADA

SOALAN NO: 23

A PARLIMEN MALAYSIA

TARIKH
SOALAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
A
B
LISAN

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]

29 Mac 2010 (ISNIN)

Dato¹ Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah peratus penglibatan para petani berskala besar dan kecil di negara ini dan apakah kriteria penentu skala ini serta berapakah jumlah petani-petani yang terlibat dalam kedua-dua kategori.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kategori bagi pengusaha sektor pertanian berskala besar dan kecil ditentukan mengikut sektor seperti berikut:

1 Bagi subsektor tanaman ianya ditentukan berdasarkan kepada nilai pendapatan kasar setahun iaitu :

i) Pengusaha Besar	berpendapatan lebih daripada RM5 juta
ii) Pengusaha Sederhana Besar	berpendapatan di antara RM1juta-RM5juta
iii) Pengusaha Kecil	berpendapatan di antara RM200 ribu - RM1juta
iv) Pengusaha Mikro	berpendapatan kurang daripada RM200 ribu
Jumlah pengusaha tanaman adalah seramai 433,220 orang dan daripada jumlah tersebut 0.1% adalah pengusaha/petani berskala besar iaitu seramai 433 orang dan selebihnya 99.9% iaitu 432,786 orang pengusaha/petani berskala kecil.	

ii) Bagi subsektor perikanan pula kategori ditentukan berdasarkan kepada saiz projek iaitu

1. Penternak ikan kecil mempunyai:
 - a. Kolam ikan/ udang air tawar dan laut yang bersaiz kurang daripada 2 hektar;
 - b. Sangkar ikan air tawar dan laut yang kurang daripada 30 petak (bersaiz 3m x 3m); dan
 - c. Tangki yang bersaiz kurang daripada 300 meter persegi.

3. Penternak ikan komersial mempunyai:
- d. Kolam ikan/ udang air tawar dan laut yang bersaiz lebih daripada 10 hektar;
 - e. Sangkar ikan air tawar dan laut yang mempunyai lebih daripada 200 petak bersaiz 3m x 3m; dan
 - f. Tangki yang bersaiz lebih daripada 1,000 meter persegi.

Jumlah penternak akuakultur adalah seramai 54,019 orang di mana penternak jenis berskala kecil seramai 33,616 orang penternak (62.23%), penternak ikan separa komersial (berskala sederhana) seramai 9,870 orang (18.28%) dan penternak Komersial (berskala besar) seramai 10,534 orang (19.55%).

- iii) Bagi subsektor ternakan, kategori ditentukan mengikut saiz bilangan induk bagi komoditi lembu dan kambing dan populasi atau kapasiti bilangan ternakan bagi komoditi ayam, itik dan babi iaitu;

Komoditi	Bilangan ternakan (ekor)	
	Komersial	Kecil
Lembu pedaging integrasi	> 100	< 100
Lembu pedaging bukan integrasi	> 100	< 100
Lembu fidlot	>250	<250
Lembu tenusu	>50	<50
Kambing/ bebiri integrasi/ separa intensif	>500	<500
Kambing/ bebiri/ intensif	>500	<500
Ayam/ Itik penelur	> 50,000	< 50,000
Ayam/ Itik pedaging	> 50,000	< 50,000
Puyuh penelur	> 125,000	< 125,000
Puyuh pedaging	> 125,000	< 125,000

Jumlah keseluruhan penternak dalam negara adalah seramai 201,688 orang. Peratus penglibatan penternak berskala besar di negara ini adalah 2%. dengan jumlah 3,388 orang dan berskala kecil adalah 98% iaitu berjumlah 198,300 orang.

Soalan No: 4§- >^

**MESYUARAT PERTAMA, IPENGGAL KETIGA
PARI.İMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN R A KYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ
 BIN AB KADIR
 (KETEREH)
TARIKH : 29.03.2010
SOALAN : 49^

Minta Menteri Kemajuanii Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam melaksanakan program urbanisasi kawasan luar bandar kepada sebuah kawasan penempatan yang sejahtera dan mengalami pembangunan yang seimbang tanpa

menjejaskan kel<,:ayaan warjsan yang sedia ada di kawasan tersebut.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tidak melaksanakan program urbanisasi di kawasan luar bandar. Numun, Kerajaan komited dalam membangunkan masyarakat di luar bandar supaya taraf hidup mereka setanding dengan kehidupan masyarakat di bandar. Pelbagai pendekatan telah dan sedang diambil ke arah pembangunan yang menyeluruh bagi masyarakat luar bandar selaras dengan Nisi Nasional dan Wawasan 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara program-prog ram utama yang dilaksanakan adalah:

- 1) Program Peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dengan menyediakan bantuan kewangan djan pengurusan untuk membolehkan kumpijlan sasar menyertai atau menjalankan phojek-projek ekonomi

dalam pelbagai sektor. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya membasmi kemiskinan;

- 2) Menyediakan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan membina gerai- gerai perniagaan supaya dapat meningkatkan bilangan pengusaha bumiputera luar bandar di dalam sernua bidang ekonomi dan perniagaan yang berdaya maju;
- 3) Menyediakan pusat atau *telecenter* yang dikenali sebagai' Medan Infodesa (MID) yang dilengkapi prasarana teknologi makluniat dan komunikasi (ICT) di kawasan luar bandar bertujuan mewujudkan masyarakat: bermaklumat dan berperigetahuan dengan merapatkan jurang digital antara | bandar dan luar bandar;

- 4) Menyediakan mfrastruktur asas seperti bekalan elektrik, bekalan air dan pembinaan jalan luar bandar;
- 5) Menyediakan program pembangunan modal insan dari peringkat bawah seperti TADIKA KEMAS hingga latihan-latihan
I
keusahawanan bertujuan menambahkan lagi bilangan usahawan yang berpotensi. Di samping itu, latihan kepimpinan bagi pemimpin di peringkat luar bandar seperti JKKK/P, keluua kampijing dan penghulu turut dijalankan.

SOALAN 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN

TAIB [LANGKAWI]

TARIKH

29 MAC 2010

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

- a) adakah pihak Kementerian memantau warga asing yang menjadikan Langkawi sebagai Second Home. Sekiranya ia, berapakah jumlah mengikut negara; dan
- b) adakah meraka ini dibenarkan membuka kedai atau berniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pelancongan, terdapat seramai 6 orang peserta Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) memiliki rumah kediaman di Pulau Langkawi dan mereka terdiri daripada warganegara Amerika Syarikat (3 orang), United Kingdom (2 orang), dan Kanada (1 orang).

Peserta Program yang berjaya menyertai program MM2H diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang (Multiple Entry Visa) selama 10 tahun. Pas ini boleh diperbaharui selagi peserta berminat untuk terus menyertai program. Setakat Ini, Pejabat Imigresen Pulau Langkawi tiada merekodkan sebarang salah laku yang melibatkan peserta MM2H di Langkawi.

Melalui Pekeliling Imigresen Bilangan 6 Tahun 2009 berkenaan Penambahbaikan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), peserta MM2H yang berusia 50 tahun dan ke atas yang berkelayakan dan berkemahiran dibenarkan untuk bekeija separuh masa di dalam bidang kritikal yang memerlukan pengisian segera dengan tertakluk kepada syarat-syarat dan kelulusan Jabatan Imigresen. Peserta MM2H juga dibenarkan terlibat di dalam pelaburan aktif dan perniagaan tertakluk kepada dasar-dasar Kerajaan yang terpakai dan berkuatkuasa dari masa ke

semasa. Sehingga kini, Jabatan Imigresen belum menerima sebarang permohonan daripada peserta MM2H untuk bermiaga atau melibatkan diri di dalam

pelaburan di dalam negara ini. Pemantauan dan penguatkuasaan adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN

ABBAS (PKR) (TELOK KEMANG)

TARIKH 29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (PKR) (Telok Kemang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) Status agama dan bangsa bagi bayi yang ditemui (dibuang) bagi yang berumur 40 hari ke bawah dan 40 hari ke atas: dan
- (b) Bagaimana kriteria bagi menentukan agama, bangsa dan warganegara seseorang bayi yang diambil di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius akan kejadian pembuangan bayi di seluruh negara. JKM bertanggungjawab untuk menyelamatkan bayi yang dibuang selaras dengan peruntukan di dalam Akta Kanak-kanak 2001.

Mengikut Polis DiRaja Malaysia, bayi yang ditemui (dibuang) dikategorikan kepada dua iaitu janin dan baru lahir. Ia tidak dikategorikan mengikut 40 hari kerana umur bayi tersebut tidak dapat dipastikan.

Status agama dan bangsa bayi yang ditemui (dibuang) ditentukan dengan merujuk kepada Cabutan Minit Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali Ke 46 pada 22 April 1999 bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang menetapkan kriteria seperti berikut:

i. Status Agama Anak Pungut

(a) Kanak-kanak pungut adalah merdeka dan Muslim kerana pada asalnya manusia adalah merdeka. Perkara ini berkekalan pada bila-bila masa sehinggalah terdapat sesuatu yang merubahnya kerana konsep negara adalah Negara Islam dan merdeka..

ii. Cara menentukan status agama anak pungut adalah seperti berikut:-

(a) Bayi / kanak-kanak yang dipungut atau dijumpai di dalam Negara Islam (negara yang didiami oleh orang Islam) adalah dikategorikan sebagai Muslim;

(b) Kanak-kanak yang dipungut atau dijumpai di negara yang didiami oleh bukan Islam dan tiada terdapat langsung orang Islam, maka kanak-

kanak terdapat tersebut dikategorikan sebagai bukan Islam; dan

- (c) Bayi / kanak-kanak yang dipungut atau dijumpai dalam negara bukan Islam tetapi ada penduduk Islam adalah dikategorikan sebagai Muslim kecuali ada saksi yang boleh memberi keterangan mengenai bayi / kanak-kanak berkenaan keturunannya.

JKM juga membantu dalam proses mendapatkan status taraf kewarganegaraan kanak-kanak yang ditemui (dibuang) yang diambil di bawah jagaannya yang masih belum ditentukan kewarganegaraanya dengan merujuk permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di bawah permohonan daftar lewat kelahiran. Namun begitu, taraf kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang ditemui (dibuang) ditentukan oleh JPN.

SOALAN (27)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2010 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN

HAMZAH (JASIN)

SOALAN

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula sistem kelulusan sijil layak menduduki (CFO) yang dahulunya ditandatangani oleh agensi-agensi Kerajaan, tetapi ada di kalangan agensi berkenaan telah diswastakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam sistem Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) pihak yang mengeluarkan sijil CFO ialah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sijil CFO dikeluarkan apabila kesemua agensi teknikal dalaman dan teknikal luaran yang berkaitan menyatakan sokongan terhadap pengeluaran perakuan tersebut. Sokongan juga menyatakan kerja-kerja telah di sempurnakan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan agensi-agensi teknikal terbabit akan mengambil alih skop penyelenggaraan setelah tamat tempoh tanggungan kecacatan bagi sesuatu projek. Mulai 12 April 2007 Kerajaan telah memperkenalkan sistem perakuan siap dan pematuhan (CCC) di mana CCC dikeluarkan oleh para profesional. Dalam sistem baru ini, agensi-agensi teknikal dalaman dan luaran masih berperanan mengeluarkan surat pengesahan pelepasan ke atas komponen-komponen yang berkaitan bagi mengesahkan komponen-komponen telah di sempurnakan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selain daripada PBT antara agensi-agensi teknikal yang terlibat dalam proses pengeluaran CCC termasuklah Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Jabatan Kerja Raya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Bagi agensi Kerajan yang telah diswastakan tetapi masih memainkan fungsi yang lama, maka surat-surat pengesahan/pelepasan akan dikeuarkan oleh

agensi-agensi yang telah diswastakan.

**KemENTERIAN
PERTAMAAN
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Mac 2010

SOALAN (28)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA :
LISAN**

TARIKH **29 MAC 2010 (ISNIN)**

**DARIPAD
A** **Y.B. DR. MICHEAL
JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan unit rumah kos rendah yang telah dibina di Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2009 oleh Kerajaan dan juga oleh sektor swasta. Berapakah antara jumlah tersebut merupakan unit rumah pangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat akan aspek petempatan manusia dan penyediaan rumah kos rendah yang mencukupi bagi semua. Bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2009, bilangan unit rumah kos rendah yang telah dibina adalah sejumlah 83,987 unit, di mana 62,851 unit daripadanya adalah merupakan unit rumah pangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, daripada jumlah keseluruhan unit rumah yang telah dibina, sejumlah 30,011 unit telah dibina oleh Kerajaan manakala sebanyak 53,976 unit lagi dibina oleh sektor swasta.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**
Mac 2010

PERTANYAAN

NO. AUM : 13

NO. AUP : 2<?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2557

SOALAN:

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan penyiasatan ke atas serangan-serangan ke atas surau dan gereja yang berlaku pada awal tahun ini. Apakah punca kejadian seperti ini selepas kita merdeka sekian lama dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk menyelesaikan masalah seumpama

ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Rajang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, ingin saya nyatakan di sini tiada serangan ke atas masjid dan gereja, tetapi kejadian yang berlaku adalah perbuatan khianat menggunakan api. Penyiasatan tentang kes tersebut sebahagiannya telah diselesaikan iaitu sebanyak 2 kes berjaya diselesaikan di mana melibatkan 3 lelaki melayu dituduh bagi kesalahan membakar surau. Manakala bagi kes pembakaran gereja pula, sebanyak 4 kes berjaya diselesaikan oleh pihak polis, di mana 1 kes di Kuala Lumpur dan 3 kes di Perak. Ke semua kes-kes ini telah dibicarakan di bawah Seksyen 436 Kanun Keseksaan iaitu perbuatan khianat dengan api.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk mengelakkan kejadian yang serupa berlaku kembali, pihak polis telah mengambil beberapa langkah pencegahan iaitu:

- i) Semua laporan polis yang dibuat disiasat dengan terperinci;
- ii) Suspek-suspek yang terlibat dan mempunyai cukup keterangan telah pun didakwa dan kes masih menunggu perbicaraan di mahkamah;
- iii) Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah dan balai diarah membuat pemantauan yang rapi ke atas surau dan gereja dengan cara mengerapkan rondaan; dan
- iv) Menempatkan anggota-anggota di kawasan-kawasan yang dijangka strategik untuk dikhianat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

NO. 30

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan perkembangan mutakhir pengambilalihan aset di negeri Selangor dan apakah langkah-langkah segera Kerajaan untuk menambahkan sumber air di Lembah Klang bagi menghadapi jangkaan krisis bekalan air dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air bagi negeri Selangor akan melibatkan cadangan pengambilalihan aset-aset air dan liabiliti berkaitannya yang pada masa kini diuruskan oleh 4 syarikat konsesi air. Sehingga hari ini, pelaksanaan cadangan tersebut sedang dirundingkan dengan pihak-pihak terbabit. Dengan kerjasama daripada semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Selangor, Kementerian berharap rundingan tersebut dapat dimuktamadkan dengan sesegera yang mungkin.

Tuan Yang Dipertua,

Peningkatan permintaan air terawat terutamanya di Lembah Klang telah banyak memberikan tekanan kepada sumber air di negeri Selangor. Masalah pencemaran, pembangunan yang tidak terkawal dan keadaan perubahan iklim dunia telah menyebabkan kebanyakannya sungai yang sekarang ini dijadikan punca utama bagi bekalan air terawat telah mengalami kemerosotan kualiti dan kuantitinya. Berikutan itu, tidak semua punca air mentah sedia ada boleh dijadikan sebagai sumber air yang andal. Keadaan ini diburukkan lagi dengan sikap orang ramai yang tidak menghargai air dengan tindakan-tindakan yang mencemarkan sungai dan membazirkan penggunaan air.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah jangka panjang untuk mendapatkan bekalan air mentah dari negeri Pahang bagi menampung keperluan air di Lembah Klang. Usaha ini dibuat melalui pelaksanaan Projek Penyaluran Air Mentah dari negeri Pahang ke Selangor. Apabila projek tersebut siap dan beroperasi mulai 2014, air mentah tambahan sebanyak 1.8 juta liter sehari akan dapat dibekalkan ke Lembah Klang.

Sementara menunggu projek tersebut siap, Kerajaan juga sedang mengambil beberapa langkah interim antaranya dengan melaksanakan projek-projek berikut:

- a) pemasangan paip air dari Rasa ke Rawang sepanjang 21.5 km. Projek ini yang telah disiapkan pada 14 Februari 2008 mampu membekalkan air terawat tambahan sebanyak 180 juta liter sehari dari kawasan utara Selangor ke Lembah Klang; dan

b) pembinaan Bekalan Air Alternatif KLIA yang akan mampu membekalkan air terawat sebanyak 105 juta liter sehari. Projek ini dijangka siap pada Jun 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH

29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kementerian sedar masih terdapat banyak cawangan-cawangan pejabat Pos Malaysia yang tidak mempunyai kemudahan seperti sistem nombor dan bangku untuk para pelanggan sementara menunggu giliran semasa berurusan di kaunter.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pengurusan Giliran atau “Queue Management System” (QMS) di pejabat pos telah mula diperkenalkan pada tahun 2005. Pos Malaysia Berhad SOALAN NO. J^3?~ telah melaksanakan QMS di 398 pejabat pos.

Namun usaha-usaha sentiasa diambil oleh Pos Malaysia Berhad untuk memperbaiki mutu kemudahan asas di semua pejabat pos di Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMED
 GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH ISNIN, 29 MAC 2010

RUJUKAN 3 [PR-1231-L36672]

SOALAN

**Dr. Lo' Lo binti Mohamed Ghazali
[Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan status kedudukan
Keramat Mall dan Dewan Orang Ramai Dato' Keramat.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Kompleks Pasar Basah Datuk Keramat atau Keramat Mall telah siap sepenuhnya pada Januari 2010.

Projek Pembangunan Keramat Mall ini terdiri daripada beberapa komponen, seperti berikut :

BIL.	KOMPONEN	JUMLAH UNIT
1.	Pasar awam/basah	124
2.	Gerai berkunci	190
3.	Medan selera	134
4.	Dewan keramaian	1
5.	Surau	1
6.	Bank	1
7.	Pejabat pos	1
8.	Tempat letak kereta	256 petak
9.	Tandas	

Walau bagaimanapun sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih menghadapi masalah untuk menyelaraskan pemindahan kesemua peniaga dari pasar lama ke Keramat Mall, terutama peniaga-peniaga pasar basah seperti peniaga ikan, ayam, sayur dan lain-lain.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan

dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan DBKL telah pun bersetuju untuk membina tambahan kompleks tempat letak kereta dan ruang pasar basah yang baru.

Cadangan pembinaan ini bertujuan untuk memenuhi permintaan daripada peniaga-peniaga yang menimbulkan mengenai isu kekurangan tempat letak kereta (bagi kompleks pasar dan juga Dewan Perdana Keramat) dan juga bagi menempatkan semula peniaga-peniaga pasar basah di tingkat bawah di kompleks baru ini.

Perunding-perunding yang telah dilantik untuk menguruskan penyediaan rekabentuk dan pembinaan untuk bangunan tempat letak kereta dan pasar basah yang baru ini ialah :

- (i) Perunding arkitek : L.A Arkitek
- (ii) Perunding awam dan struktur : Jururunding Pakatan Arena Sdn. Bhd.
- (iii) Perunding mekanikal dan elektrikal : Five-H Associates Sdn. Bhd.

Pihak perunding sekarang ini, di dalam peringkat penyediaan rekabentuk.

Oleh itu, pemindahan peniaga-peniaga dari pasar lama ke Keramat Mall akan melibatkan 2 peringkat:

- (i) Peringkat pertama; dan
Melibatkan peniaga-peniaga bahan kering seperti pakaian, barang

kemas, permainan dan lain-lain lagi. Pemindahan ini juga melibatkan peniaga-peniaga gerai berkunci di pasar lama berkenaan. Oleh kerana terdapat masalah teknikal dan keperluan untuk pengurusan program perpindahan yang lebih dan pihak DBKL masih berunding dengan persatuan penjaja bagi menetapkan tarikh pemindahan tersebut.

(ii) Peringkat kedua.

Pemindahan akan melibatkan kesemua peniaga pasar basah yang mana dijangkakan pemindahan ini akan dapat dilaksanakan pada akhir 2012 dengan siapnya kompleks tempat letak kereta dan kawasan pasar basah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kompleks Keramat Mall ini juga mengandungi Dewan Perdana Keramat yakni dewan orang ramai. Dewan ini dibina terutamanya untuk kegunaan penduduk-penduduk di persekitaran Datuk Keramat bagi mengadakan majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, jamuan dan lain-lain di dalam satu tempat yang luas, serba moden dan selesa. Dewan Perdana Keramat ini boleh memuatkan 1,000 orang jemputan dan orang ramai dijangka dapat menggunakan kemudahan dewan ini mulai **Mei 2010**.

Mengenai Dewan Orang Ramai Dato Keramat pula, sukcita dimaklumkan projek berkenaan telah siap sepenuhnya dan boleh digunakan **mulai 1 April 2010**.

Soalan No : 33

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATO* SERI HAJI AZMI BIN KHALID
(PADANG BESAR)**

TARIKH **29.03.2010**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa pihak Kementerian terlalu mudah mengizinkan padang-padang permainan sekolah-sekolah dimusnahkan dan digantikan dengan bangunan-bangunan baru dan adakah ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membina generasi muda yang sihat, aktif, berdaya saing dan mudah bercampur gaul dalam konteks 1 Malaysia .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bukan menjadi dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membenarkan membina bangunan-bangunan baru di atas padang-padang sedia ada kerana padang merupakan kemudahan utama bagi sesebuah sekolah. Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, terdapat bangunan tambahan sekolah yang dibina dengan menggunakan sebahagian kecil padang sekolah. Hal ini demikian kerana kekangan tapak terutama di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan tinggi. Namun demikian, pembinaan tersebut tidak mengganggu aktiviti kokurikulum sekolah.

SULIT

NO SOALAN : 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)

DARIPADA 29.03.2010
(ISNIN)

**TARIKH
LISAN**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil untuk menangani kes terbongkarnya maklumat sulit Kementerian Pertahanan kepada kedutaan asing seperti mana yang didedahkan oleh Menteri Pertahanan. Bukankah ini satu pengkhianatan terhadap negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun *espionage* tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.

Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak sesuai untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya

kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kawalan ke atas sasaran penyuluhan tersebut, BSPP telah menapis dan mengolah maklumat-maklumat yang didedahkan agar ianya tidak melibatkan perkara-perkara sensitif atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kepentingan strategik ketenteraan negara. Justeru itu, isu pembocoran maklumat ini tidak sama sekali menjaskan tahap keselamatan negara.

Dalam menangani kegiatan pembocoran maklumat, langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan meliputi usaha untuk menguatkuaskan arahan-arahan keselamatan khususnya dalam aspek keselamatan maklumat secara lebih serius dan meluas. Di samping itu, tahap kesedaran dan kepekaan terhadap hal-hal yang melibatkan aspek keselamatan maklumat di kalangan warga Kementerian akan sentiasa dipertingkatkan melalui pendidikan keselamatan. Pihak kementerian juga akan terus melaksanakan pengawasan dan pemantauan bagi memastikan aspek-aspek keselamatan maklumat pertahanan negara sentiasa terjamin.

Soalan No : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
(BATU SAPI)

TARIKH : 29.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [BATU SAPI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian mengenai situasi di mana SK Bandar dan SRJK (C) Chin Ming di Sandakan telah berkongsi bangunan sekolah yang sama sejak tahun 1975.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari akan masalah yang dihadapi oleh SJK(C) Chin Ming, Sandakan dan SK bandar, Sandakan. Sehubungan itu, Kementerian akan membina baru SK Bandar di atas tapak yang telah dikenal pasti seluas 8 ekardi bawah RMKe-10.

Rjm 46

NO. SOALAN: 36

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

TARIKH **29 Mac 2010 [Isnin]**

DARIPADA **Y.B. Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]**

SOALAN :

YB Dato* Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemudahan- kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kepada Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang menunaikan fardu haji ke Mekah.

JAWAPAN : (YB Mejar Jeneral Dato* Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (*TH*) tidak menyediakan kemudahan khusus bagi Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang menunaikan fardhu haji ke Makkah. Perkhidmatan yang disediakan oleh *TH* kepada semua jemaah haji Malaysia adalah penginapan, pengangkutan, sajian makanan, perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan kaunter *TH*.

|

Walau bagaimana pun, elemen-elemen nilai tambah kepada perkhidmatan ini boleh diperolehi oleh mana-mana jemaah melalui perkhidmatan pakej haji yang disediakan oleh agensi-agensi pelancongan yang dilesenkan sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan anak syarikat *TH* iaitu *TH Travel & Services Sdn. Bhd.*

Sekian, terima kasih.

NJS|

**PEMBERIT
AHUAN
PERMINTAAN RAKYAT, MALAYSIA
AAN**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
	(BATANG SADONG)
TARIKH	29.03.2010 (ISNIN)
NO SOALAN	37

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan minta Kementerian memaklumkan bagaimana Kementerian memainkan peranan dalam menangani perubahan iklim yang berpunca dari bahan produk jualan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Perubahan Iklim Negara untuk mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan bagi menangani isu perubahan iklim.

Dalam hubungan ini, peranan sektor perkilangan adalah penting dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG - greenhouse gases) menerusi pengeluaran produk untuk pasaran dalam negeri dan luar negeri.

Antara langkah-langkah yang teiah dan sedang diambil yang mensasarkan pihak pengeluar pelbagai jenis produk jualan termasuk:

- i. Menggalakkan pihak industri mengeluarkan produk-produk yang mesra alam (*environmentally friendly*) dan melabelkan produk tersebut sebagai produk mesra alam untuk kepentingan pengguna;
- ii. Mempergiatkan usaha-usaha kepenggunaan di setiap lapisan masyarakat ke arah menggunakan produk-produk yang mesra alam (*environmentally friendly*),
- iii. Menggalakkan pihak pengeluar barang dan pengguna menggunakan bahan elektrik yang cekap tenaga (*energy efficient*) dan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*);
- iv. Menggalakkan golongan pengguna dan pihak pengeluar barang melaksanakan konsep pengeluaran bersih yang melibatkan amalan 3R iaitu, pengurangan buangan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*); dan

- v. Memastikan kenderaan bermotor mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan dan seterusnya memastikan pembakaran yang efisien bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (*green house gases*).

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mempergiatkan usaha-usaha mempertingkatkan kesedaran awam tentang kepentingan menggunakan produk- produk yang mesra alam (*environmentally friendly*) dan yang menjimatkan penggunaan tenaga (*energy efficient*).

Bagi mencapai hasrat tersebut, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan dengan pelbagai kementerian dan agensi terutama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN TONY PUA KIAM WEE**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **29 MAC 2010** **SOALAN NO: 38**

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci syarat pinjaman RM320 juta kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan sebab-sebab kenapa sebuah syarikat swasta, diberikan pinjaman dengan syarat begitu istimewa seperti *grace period* 4 tahun, pinjaman tanpa faedah dan cagaran dan bayaran ansuran yang amat fleksibel.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan pada 16 Disember 2009 telah memberikan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM320.8 juta kepada SYABAS dengan syarat dan terma seperti berikut:

a) Syarat-syarat Utama

- | | |
|---------------------------|-------------------------|
| i. Jumlah Pinjaman | ii. Kadar Faedah |
|---------------------------|-------------------------|

- | |
|-----------------------------|
| iii. Tempoh Pinjaman |
|-----------------------------|

**iv. Tempoh
Pertangguhan
RM320,800,000.00 0%
20 tahun
4 tahun**

v. Tempoh Bayaran Balik: 16 tahun

b) Syarat>syarat Khas

- i. Laporan Kemajuan Penggunaan Dana dikemukakan kepada Perbendaharaan setiap 3 buian
- ii. Dikenakan penalti pada kadar 8% setahun bagi mana-mana bayaran balik pinjaman yang tertunggak sehingga dijelaskan

Pinjaman Kerajaan ini diberi kepada SYABAS bagi memastikan operasi perkhidmatan bekalan air oleh syarikat tersebut kepada pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terjejas.

2. SYABAS telah mengalami krisis aliran tunai yang meruncing antaranya disebabkan penangguhan pelarasaran tarif air berkuat kuasa 1 Januari 2009 mengakibatkan SYABAS hanya mampu membuat pembayaran sebanyak 55% sehingga 65% daripada jumlah invols kepada operator rawatan air (*Water Treatment Operators - WTO*) setiap bulan pada tahun 2009. Baki kos air mentah tertunggak bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM708.8 juta dan keseluruhan jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada SYABAS telah digunakan untuk membuat bayaran kepada WTO agar pembekalan perkhidmatan air bersih dapat diteruskan tanpa gangguan.

SOALAN NO :

**39 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]**

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan doktor-doktor gigi yang bertugas diklinik-klinik pergigian swasta mempunyai kelayakan bertauliah serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC).

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Akta Pergigian 1971 [Akta 51], seorang pengamal pergigian yang ingin mengamal di Malaysia wajib mendaftarkan diri sebagai Doktor Pergigian dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM). Pengamal Pergigian itu akan diberi Sijil Perakuan Pendaftaran. Sijil Perakuan Pendaftaran ini mempunyai foto doktor pergigian itu dan di meterai (*seal*) bagi mengelakkan pemalsuan. Sijil ini perlu dipamerkan di klinik pergigian swasta di mana Doktor Pergigian itu mengamal. Sekiranya beliau mengamal di lebih dari satu klinik pergigian swasta, Sijil Perakuan Pendaftaran ini hanya perlu dipamerkan di klinik pergigian utamanya sahaja.

Di samping itu, untuk mengamal secara aktif, Doktor Pergigian juga perlu mendapatkan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (SPPT) bagi setiap tahun beliau mengamal. Sekiranya beliau mengamal di lebih dari satu klinik pergigian, beliau perlu mendapatkan salinan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (SPPT) yang diperakui oleh Majlis Pergigian Malaysia (MPM) untuk setiap premis amalannya. Salinan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (SPPT) ini perlu dipamerkan di setiap premis.

Tindakan penguatkuasaan untuk memastikan klinik pergigian swasta dikendalikan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM) di buat di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2006.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN LOKE SIEW FOOK
	[RASAH - DAP]
TARIKH	29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 40

Tuan Loke Siew Fook [Rasah - DAP] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci setiap KPI (*Key Performance Indicator*) yang disasarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan sejauh manakah pencapaian setiap KPI tersebut setakat ini.

JAWAPAN:

Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan empat (4) Bidang Keberhasilan Utama (KRA) sebagai mana berikut:

- (I) Pemerkasaan Pembangunan Insan dan Gerakan Belia
- (II) Pembudayaan Sukan Untuk Semua
- (III) Pengukuhan Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi; dan
- (IV) Pembangunan Industri Sukan Sebagai Penjana Ekonomi Negara.

Pencapaian bagi setiap KRA adalah berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang disasarkan sebagai mana berikut:

1. KPI untuk pemerkasaan pembangunan insan dan gerakan belia adalah berdasarkan kepada dua (2) elemen iaitu Skor Indeks Belia Malaysia yang terdiri daripada domain potensi diri; domain hubungan sosial; dan domain identiti diri. Elemen kedua ialah Skor Penarafan Bintang kepada Persatuan Belia.
 - (i) Bagi Skor Indeks Belia Malaysia Pencapaian terkini domain potensi diri ialah 63.9 mata; domain hubungan sosial, 66.7 mata; dan domain identiti diri, 63.7 mata.

- (ii) Manakala pencapaian Skor Penarafan Bintang kepada Persatuan Belia pula belum dapat diukur kerana program tersebut baru dimulakan pada Januari 2009 dan kini di peringkat penilaian.
2. Bagi pembudayaan sukan untuk semua. KPI adalah berdasarkan kepada peratus masyarakat berbudaya sukan. Berdasarkan kajian tahun 2009 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), sehingga kini Kementerian telah mencapai 34.7% masyarakat berbudaya sukan di Malaysia.
3. Seterusnya bagi penqukuhan pembangunan sukan berprestasi tinggi. KPI yang ditetapkan oleh Kementerian ialah melalui bilangan atlet/ sukan dalam kedudukan 10 terbaik dunia dan bilangan pingat emas dalam kejohanan dunia. Sehingga kini, Kementerian telah mencapai dan mempunyai 13 atlet / pasukan yang berada di kedudukan 10 terbaik dunia. Bagi pungutan pingat, pencapaiananya belum dapat dinyatakan kerana Kementerian menyasarkan 9 Emas di Kejohanan Sukan Asia 2010 dan 11 Emas di Temasya Sukan Komanwel 2010.
4. Kementerian juga menyasarkan untuk pembangunan industri sukan sebagai peniana ekonomi negara. Sehubungan itu, KPI yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada peratus sumbangan industri sukan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Memandangkan ia merupakan program baru dan masih lagi di peringkat kajian, pencapaian belum dapat dinyatakan.

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)

TARIKH : 29.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang menambahkan atau menerapkan subjek Pengajian ASEAN di peringkat sekolah menengah agar generasi muda lebih mengenali dan memahami isu-isu ASEAN serta memahami objektif penubuhan ASEAN berserta kandungan Piagam ASEAN (ASEAN Charter) yang telah dipersetujui oleh semua negara anggota.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, KPM tidak bercadang memperkenalkan Pengajian ASEAN sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum persekolahan. Walau bagaimanapun dalam kandungan sesetengah mata pelajaran khususnya mata pelajaran Geografi dan Alam Sekitar, terdapat aspek-aspek yang menyentuh hubungan Malaysia dengan negara-negara luar termasuk negara ASEAN terutama yang mempunyai kaitan dengan bidang ekonomi dan kebudayaan.

Manakala dalam mata pelajaran Sejarah terdapat topik yang menyentuh tentang latar belakang penubuhan ASEAN, dan peranan serta sumbangan Malaysia dalam mempertingkatkan kerjasama di peringkat serantau iaitu ASEAN.

Rjm 47

NO.AUM : 22

NO. AUP : 42.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2404

SOALAN:

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan**

**(a) pera
nan Unit Berkuda di Jabatan Penjara Kajang ; dan**

**(b) bera
pakah kos perbelanjaan mengendalikannya dan jumlah bilangan
kudatlan kakitangan yang terlibat.
Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan:

(a) Unit Berkuda Jabatan Penjara telah ditubuhkan pada tahun 2004.

Pada ketika ini hanya terdapat satu unit berkuda sahaja untuk Jabatan Penjara iaitu di Penjara Kajang. Unit tersebut telah ditempatkan di Penjara Kajang kerana ianya paling sesuai bagi kawalan.

Peranan Unit Berkuda Jabatan Penjara Malaysia boleh dijelaskan seperti berikut:

- i. Mengawal keselamatan di kawasan persekitaran luar penjara di mana terdapat ramai banduan bekerja;
- ii. Membuat rondaan di sekeliling kawasan pagar sempadan penjara bagi mengelakkan pencerobohan;
- iii. Membuat penyuraian sekiranya berlaku rusuhan; dan
- iv. Ia juga terlibat dalam istiadat jabatan serta sukan berkuda untuk pegawai penjara.

Kos bagi maksud peralatan, penyelengaraan, pemakanan serta kesihatan adalah sekitar RM170,000.00 setahun. Terdapat seramai 25 pegawai penjara yang terlatih dan mempunyai kemahiran mengendalikan kuda. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya seramai 13 orang pegawai penjara pelbagai pangkat sahaja yang telah dipilih untuk mengendalikan unit berkenaan. Pada ketika ini, unit berkenaan memiliki sejumlah 8 ekor kuda hasil sumbangan daripada sebuah kelab.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

: LISAN

PERTANYAAN TARIKH

29 MAC 2010 (ISNIN)

DARIPADA SOALAN

**Y.B. DATUK HALIMAH
BT MOHD SADIQUE
(TENGGARA) minta
MENTERI PERUMAHAN**

**Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD
SADIQUE (TENGGARA)**

DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula Akta Pemberi Pinjam Wang 1952 (Akta 400) untuk melindungi hak peminjam dari diperdayakan oleh syarikat pemberi pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun membuat kajian semula terhadap Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Pada masa ini, cadangan pindaan Akta berkenaan sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara. Pindaan ini dilakukan untuk melindungi hak peminjam selain memperkuuhkan peranan dan fungsi KP KT dalam melesen, mengawal dan menguatkuasakan undang-undang serta mendisiplinkan semua pihak yang terlibat dalam sektor tersebut.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN
LISAN
DARIPADA DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah Prostar yang telah ditubuhkan dan apakah hasil daripada penubuhan ini dan apakah kesan kepada remaja setelah menyertai pertubuhan ini, serta statistik terkini di dalam pengawalan gejala najis dadah dalam negara hasil daripada wujudnya Prostar ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat mengambil berat mengenai penglibatan remaja dalam kegiatan yang berisiko tinggi untuk mendapat HIV/AIDS. Berikutan itu, Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR) dilaksanakan untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi mencegah remaja dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berisiko mendapat HIV/AIDS seperti penagihan dadah secara suntikan dan hubungan seks berbilang pasangan.

Bagi memantapkan fungsi PROSTAR, Kelab PROSTAR iaitu sebuah badan bukan kerajaan telah ditubuhkan sebagai satu strategi untuk mendekati remaja di komuniti. Sehingga Disember 2009, terdapat 106 Kelab PROSTAR daerah di seluruh Malaysia dengan jumlah keahlian sebanyak 37,090 orang. PROSTAR juga telah dilaksanakan di sekolah-sekolah Menengah yang terpilih. Kini terdapat 1,664 buah sekolah yang telah menjalankan PROSTAR sekolah. Melalui PROSTAR juga, 14 buah Pusat Khidmat PROSTAR (PKP) telah ditubuhkan di seluruh negara. PKP berperanan sebagai “drop in center” bagi remaja menjalankan aktiviti- aktiviti yang positif secara individu atau berkumpulan. Di PKP juga remaja boleh mendapatkan perkhidmatan daripada para sukarelawan yang meliputi nasihat kesihatan, maklumat kesihatan dan penilaian sendiri tahap kesihatan diri.

Antara aktiviti yang diberi penekanan utama dalam PROSTAR ialah aktiviti latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di mana remaja yang layak akan dilatih

sebagai PRS berpandukan Manual Latihan PROSTAR Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara kumulatif dari tahun 1996 hingga Disember, 2009, sebanyak 2,127 sesi latihan PRS PROSTAR telah dijalankan yang melibatkan seramai 125,559 orang ahli PROSTAR. Hasil dari latihan tersebut, PRS PROSTAR yang telah dilatih berjaya menjalankan 7,299 aktiviti yang melibatkan seramai 943,152 remaja lain. PROSTAR amat relevan bagi remaja dalam usaha mencegah penularan HIV/AIDS. Kejayaan ini terbukti melalui dua kajian yang telah dijalankan pada tahun 2005 dan 2006 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama universiti tempatan. Kajian Pengetahuan, Sikap dan Amalan berkaitan HIV/AIDS oleh Universiti Malaya (2006) mendapati PROSTAR menjadi antara saluran utama bagi remaja mendapatkan maklumat tentang HIV/AIDS. Kajian tersebut menunjukkan 23.3% remaja mendapat maklumat kesihatan khususnya berkaitan HIV/AIDS melalui PROSTAR. Sementara itu, Kajian Tahap Penglibatan dan Penyertaan remaja dalam PROSTAR oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2005) mendapati program ini menerima persepsi positif di kalangan remaja. Lebih 97.3% responden bersetuju PROSTAR merupakan saluran maklumat utama remaja mengenai HIV/AIDS, 94.1% bersetuju PROSTAR berjaya mengubah sikap negatif remaja dan 92.1% bersetuju PROSTAR dapat mengurangkan remaja bermasalah.

Pencapaian PROSTAR secara tidak langsung menyumbang kepada usaha pengawalan najis dadah yang merupakan antara faktor risiko utama jangkitan HIV/AIDS di kalangan rakyat Malaysia dan sekaligus juga menyumbang kepada penurunan kes jangkitan HIV/AIDS Malaysia semenjak 2006. Pada tahun 2006 didapati seramai 3,127 orang yang dijangkiti HIV adalah di kalangan penagih dadah jarum suntikan manakala pada tahun 2008 jumlah tersebut telah menurun kepada 2,113 orang.

**MESYUARAT PERTAMA, PIENCiGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERHTAHUAIN PERTANYAAN
DEWA1M RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

**YB DATO'
NORAINI BINTI
AHMAD (PARIT
SULONG)**

TARIKH

29 MAC 2010

SOALAN

Minta **Menlteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bilangan projek, lokasi dan kos projek pembangunan di luar bandar di bawah Rancangan Mal.jysia Kesembilan yang lewat disiapkan. Apakah sebab-sebab utama kelewatan tersebut. Apakah projek-prjek luar bandar ini akan juga mendapat bantuan dari Tabung Insentif Kewangan Swasta (PFI).

JAWAPAN:

1:

Tuan Yang Dipei-tua,

Saya ingin memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan no. 22 daripada ahli YB Ketereh yang memerlukan jawapan lisan pada 13 April 2010 yang neminta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wiayah menyatakan jumlah dan senarai projek bermasalah dan taksiran kerugian yang terpaksa di :anggung serta usaha pemulihan yang telah dijalahkan.

Tuan Yang Dipertua,

- a) Di bawah RMKe-9 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wiayah (KKLW), telah mengenalpasti sebanyak 127 projek luar bandar yang lewat disiapkan melibatkan 127 lokasi di seluruh negara dan meliputi kos projek sebanyak RMS.74 bilion.

- b) Kelewatin berlakuj adalah disebabkan beberapa perkara ydng berikut iaitu:

- i. Pencurusan kevvangan atau aliran tunai kontrak tor yang lemah di mana modal pusingan tidak mencukupi untuk melaksanakan sesuatu projek;
- ii. Kontraktor tiidak mendapat bekalan bah<in binaan yang mencukupi pada mas;3 yang dirancang seperti kekirangan bekalan iDesi;
- iii. Peningkatan harga bahan binaan seperti harga besi yang mengganggu aliran tunai <;yarikat yang sebelumnya tidak dijangka/diambil kira. Terdapat juga kontraktor yang mas h bermasalah walaupun teiah diberikan tambahan kepada perubahan harga kontrak (VOP);
- iv. Juru perunding gaga I mengenai pasti struktur tanah yang sebenarnya
 - i serri3sa ujian tanah dilaksanakan. Ini akan melewatkari pelaksanaan projek kerana melibatk&n panyesuaian reka bentuk, cerucuk dan kedudukan bancjunan;
- v. Peru Dahan tapak projek serta kesulitan

mendapatkan tapak yang sesuai serta terdapatnya bantahan pencuduk ke atas tapak projek;

- vi. Tapak projek yang telah ditetapkan tidak sesuai iaitu seperti tapak di lembah yang berair yang melewaskan penyediaan tanah;
- vii. Tercapatnya pern bahan reka bentuk untuk memenuhi syarat-syarat jabatan teknikal seperti keperluan utiliti oleh Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Bomba, pihak bekalan air negeri dan Jabatan Pencjairari dan Saliran
setⁱlah projek cjiimulakan;
- viii. Terdcipatnya perubahan reka bentuk bagi menyesuaikan perubahan keperluan/tujuan pembinaan semasa projek sedang dilaksanakan; dan
- ix. Perubahan cuaca di luar jangkaan sepeiti hujan lebat berlarutan yang mengakibatkan kerja-kerja tidak bole' dijalankan mengikut jadual.

- c) Bagi menangani masalah-masalah pelaksan projek berkenaan, KKLW telah dapat menyelesaikannya melalui pemantauan secara berkala melalui mesyuarat tapak yang diadakan setiap minggu. Projek-projek yang masih lewat pelaksanannya akan dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit untuk tindakan penamatcn kontrak kontraktor berkaitan dan seterusnya melantik kontraktor penyelamat untuk rnenyiapkan projek berkenaan.
- d) Berhubung dengan jumlah taksiran kerugian yang terpaksa ditanggung sekiranya projek-projek yang sakit atau bermasa ah ditender semula, kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan dl antara 30% hingga 50% daripada kos asal projek.
- e) Kementerian juga mempunyai empat (4) projek yang dilaksanakan di bawah PFI dalam tempoh RMKe-9 yang melibatkan peruntul berjumlah RM196.80 juta. Antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut:
 - i. Bangunan INFRA (RM35.00 juta)

- ii. Kompleks Pentadbiran JHEOA, Sg. Sipit
(RM12.00 juta)
- iii. Asrama Semai Bakti Negeri Pahang, Rompin
(RMS.00 juta)
- iv. Pen⁺ binaan Kampus Cawangan Universiti
Kuaja Lumpur Di Pasir Gudang, Johor
(RM141.80 juta)

|

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO* SERI ABDUL HADI BIN AWANG

[MARANG]

TARIKH : 29 MAC 2010

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah hasil petroleum di sempadan Malaysia - Thailand mengikut tahun hingga kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, pada masa ini hanya terdapat sebuah medan petroleum yang terletak bersempadan dengan Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) yang mengeluarkan hasil (*producing field*, dengan izin). Medan tersebut adalah medan Bumi Selatan yang terletak di dalam Blok PM301 di luar perairan Negeri Kelantan dan menghasilkan gas.

Pengeluaran dari medan Bumi Selatan ini bermula sejak Mei 2008 dan hasil daripada jualan gas bagi Medan Bumi Selatan sehingga Disember 2009 adalah berjumlah USD147.70 juta. Daripada jumlah tersebut, perolehan yang diterima oleh PETRONAS, setelah ditolak bayaran kepada kontraktor adalah USD21.31 juta yang merangkumi royalti, keuntungan dan ses penyelidikan.

NO. AUM : 9

NO.AUP *lift*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

[KINABATANGAN]

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2402

SOALAN:

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang tindakan siasatan oleh Polis Diraja Malaysia ke atas Ketua Menteri Pulau Pinang yang didakwa sebagai "Mendiskriminasi, chauvinist dan berfikiran komunis".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya _ mengucapkan _ terima _ kasih _ kepada _ Yang _ Berhormat_ Kinabatangan yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga kini, tiada sebarang laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang. Oleh itu tiada siasatan dibuat ke atas beliau berhubung isu ini.

NO. AUM :
18

: 4f

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MAN IKAVAS AG AM A/L SUNDARAM
[KAPAR]

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2403

SOALAN:

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) Berikan pecahan mengikut kaum pesalah-pesaiah yang masih ditahan di bawah Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 dan Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985.; dan
- (b) Berikan pecahan mengikut kaum bagi juvana yang masih ditahan dan nyatakan sejauh manakah objektif

pemulihan tercapai serta keberkesanan pendekatan yang diambil.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Jumlah yang masih menjalani tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak pada **1 Mac 2010** adalah seramai **2,604** yang terdiri daripada **1,193** orang tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan 1,411 orang tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,104 terdiri daripada bangsa Melayu, 464 orang daripada bangsa Cina, 780 orang daripada bangsa India, 94 orang daripada bangsa-bangsa lain dan 162 orang orang daripada warganegara asing.

Bagi tahanan juvana yang berumur di bawah 18 tahun pula adalah seramai 27 orang yang terdiri daripada 19 orang daripada bangsa Melayu, 1 orang bangsa Cina, 3 orang bangsa India dan 4 orang warganegara asing. Kesemua mereka adalah tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Mencegah Jenayah) 1969.

Tuan Yang Dipertua,

Semasa dalam tahanan, mereka akan menjalani program-program pemulihan yang telah disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan

agensi-agensi berkaitan yang bertujuan untuk memberikan kesedaran terhadap perbuatan atau tindakan lampau mereka. Program pemulihan juga bertujuan untuk menyediakan bimbingan dan panduan kepada tahanan khususnya juvana agar dapat keluar sebagai insan dan rakyat yang berguna.

Melalui program pemulihan Jabatan Penjara Malaysia, tahanan juvana berkenaan diberikan program pemulihan berbentuk pembinaan disiplin, motivasi, keagamaan dan kauseling. Seterusnya penekanan juga diberikan agar mereka mengikuti program pembelajaran akademik. Bagi maksud tersebut kesemua tahanan juvana berkenaan telah ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak Machang Kelantan yang mana Pusat Pemulihan Akhlak berkenaan mempunyai kemudahan pembelajaran. Disamping itu, tahanan juvana juga digalakkan untuk menduduki peperiksaan-peperiksaan awam seperti PMR, SPM atau STPM.

Setakat ini program pemulihan yang diberikan menunjukkan kesan positif terhadap pembangunan dan pembinaan diri seseorang juvana. Jabatan Penjara akan sentiasa menambahbaik dan akan memperbanyakkan lagi program pemulihan yang akan diberikan kepada tahanan juvana berkenaan.

SOALAN NO :49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH

29 Mac 2010

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan
bilakah jalan besar dua hala Bandar Keningau yang sudah diumumkan
dijangka bermula dan bilakah ianya akan selesai dibina.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Besar Dua Hala Bandar Keningau adalah termasuk dalam Program Khas RM1 billion yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dilaksanakan oleh JKR Sabah. Skop projek ini adalah menaiktaraf

jalan sediada dari Satu Lorong Dua Hala kepada Jalan Berkembar Dua Hala termasuk pembinaan sebuah jambatan dan pemasangan lampu isyarat. Penaiktarafan ini akan meningkatkan keselesaan dan kepuasan pengguna jalan raya ini yang kini sesak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini telah ditawarkan kepada Micheel Construction Holding Sdn Bhd dengan harga kontrak sebanyak RM49.9 juta. Kontraktor telah pun memulakan kerja-kerja pada 22 Mac 2010 dan projek ini dijadualkan siap pada 21 April 2011.

NO. AUM : 63

NO. AUP : £0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 29 MAC 2010

RUJUKAN 2406

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai bilangan kes kematian dalam lokap sementara siasatan polis dan sama ada Kerajaan mengambil sebarang tindakan untuk memberikan keluarga simati-simati pampasan, sejak tahun 1990.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM hanya mempunyai statistik kematian tahanan dalam lokap sejak dari tahun 2000 sehingga bulan Februari 2010. Mengikut statistik seramai 147 orang tahanan mati didalam lokap semasa dalam siasatan pihak polis.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 109 kematian berpunca daripada penyakit yang dihidapi oleh orang tahanan, 38 kematian berpunca daripada tindakan orang tahanan bergaduh sesama sendiri ataupun gantung diri dan 1 kes kematian yang melibatkan A. Kugan akibat kekasaran oleh pihak polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota Polis yang terlibat didalam kes ini telah pun didakwa di mahkamah.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini kerajaan belum lagi memberi apa-apa pampasan kepada keluarga simati kerana tiada unsur-unsur penahanan salah ataupun tindakan yang tidak mengikut batas undang-undang oleh pihak polis.

NO. SOALAN: 51

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

TARIKH

29 MAC 2010

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memastikan isu agama dan sensitiviti agama tidak diperalatkan sehingga menjasakan ketenteraman negara.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjejas ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baiknya.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun kebelakangan ini, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil adalah seperti yang dirumuskan berikut.

Pertama, sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan rujukan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta diguna sebagai rujukan untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

Kedua, memperkenal dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan 1 Malaysia mulai tahun sudah. Gagasan 1 Malaysia mengutamakan ‘perpaduan dalam kepelbagaian’ supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya.

Ketiga, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

Keempat, menggubal, meminda dan melaksanakan secara adil undang-undang, segala peraturan dan garispanduan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bersabit dengan agama, seperti pembinaan dan pemindahan bangunan ibadat, perkahwinan campur, pertukaran agama, penggunaan istilah keagamaan yang tertentu dan sebagainya.

Kelima, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita.

Keenam, mengwujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul

Ketujuh, meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa.

Kelapan, berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjas kesensitifan dan keamanan, jika lau didapati perlu.

Kesembilan, sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

SOALAN NO: 52
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. RAMASAMY A/L P ALAN IS
TARIKH	AMY [BATU KAWAN]
	29 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah sikap Kerajaan Malaysia belum berubah dalam isu ekuiti masyarakat India dan apakah rancangan-rancangan serta langkah-langkah konkret yang diambil untuk memastikan ekuiti ekonomi ini ditingkatkan ke tahap 3% pada masa yang terdekat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha dan terus komited untuk meningkatkan pemilikan masyarakat India dalam sektor korporat. Pelbagai program yang memberi faedah terus kepada masyarakat India bagi membantu meningkatkan penyertaan mereka di dalam semua sektor ekonomi juga terus diberi penekanan.

Program-program ini sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi yang dipertanggungjawabkan, antaranya termasuklah program pembasmian kemiskinan, bantuan kewangan, latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan serta peluang untuk memiliki unit amanah saham. Masyarakat India berpeluang untuk menyertai skim saham amanah terpilih seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham

1Malaysia. Sebanyak 499.5 juta unit tambahan ASW teiahan diperuntukkan kepada masyarakat India. Tawaran pelaburan juga turut diperluaskan melalui ASW 2020. Sebanyak 2 bilion unit tambahan teiahan dibuka untuk langganan

tertakluk kepada peruntukan 51 peratus kepada masyarakat Bumiputera dan 49 peratus kepada masyarakat bukan Bumiputera. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan latihan

keusahawanan kepada usahawan muda daripada masyarakat India bagi menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan.

Semua program yang dilaksanakan bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan kekayaan masyarakat India dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat. Dengan pelaksanaan pelbagai program berkenaan, Kerajaan yakin taraf hidup masyarakat India akan bertambah baik seiring dengan etnik lain secara keseluruhannya.

Tuan Yang di Pertua,

Selain daripada usaha yang dijalankan Kerajaan, pencapaian sasaran pemilikan ekuiti etnik India juga bergantung kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh mereka sendiri. Penyertaan efektif masyarakat India dalam ekonomi akan dapat ditingkatkan sekiranya mereka mampu merebut peluang-peluang yang disediakan, berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta berupaya mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (PKR)

(AMPANG)

TARIKH

29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah Kerajaan berusaha memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada golongan wanita di Malaysia terhadap Dasar Wanita Negara 2009 seperti yang diumumkan pada tahun lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memberi kesedaran dan pengetahuan kepada golongan wanita di negara ini mengenai Dasar Wanita Negara 2009 yang diluluskan pada tahun lepas, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) dokumen mengenai Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang baru ini telah dimuat naik dalam laman web KPWKM di alamat www.kpwkm.gov.my bagi memudahkan capaian oleh golongan wanita dan pihak yang berkepentingan; dan
- (ii) mengadakan taklimat berhubung Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita kepada pegawai-pegawai daripada semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan pada 27 Oktober 2009. Melalui taklimat ini, pegawai-pegawai tersebut boleh menyebarluaskan

maklumat berhubung dasar ini kepada kumpulan sasar di bawah kementerian, jabatan dan agensi masing-masing. Taklimat yang sama kepada pihak berkepentingan yang lain seperti pihak swasta dan NGO wanita dijadualkan pada bulan April 2010.

Dengan adanya Dasar Wanita Negara ini, banyak organisasi teah meminta supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan taklimat mengenai Dasar tersebut. Ini merupakan satu petanda yang positif di mana banyak pihak teah sedar akan pentingnya mereka memahami hasrat dan matlamat Dasar Wanita Negara. Di samping itu mereka juga sedar bahawa adalah penting bagi mereka memainkan peranan bagi mencapai matlamat dasar tersebut. Antara organisasi yang telah meminta KPWKM memberikan taklimat ialah:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (ii) Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB); dan
- (iii) Kolej Antarabangsa Dunia Melayu Dunia Islam, Melaka.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM akan terus menyebarluaskan maklumat mengenai Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bukan sahaja kepada golongan wanita

sehingga ke peringkat akar umbi tetapi kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi memastikan matlamat Dasar Wanita Negara. Dalam hal ini, peranan pihak media adalah penting bagi mencapai matlamat tersebut.

Wz & f

PEMBERITA JAWAB LISAN TUAN
DARIPADA HUAN LIM KIT SIANG 29
PERTANYA TARIKH PERTANYAAN DEWAN MAC 2010 (ISNIN)
SOALAN RAKYAT N0.54

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan beliau campur tangan dan mengkritik cara Naib Canselor Universiti Malaya, Ghauth Jasmon, menangani protes pelajar universiti semasa pilihan raya kampus baru-baru ini dan kenapa beliau tidak menghormati prinsip autonomi universiti - salah satu kriteria mengadili sama ada sesebuah universiti bertaraf tinggi sedunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 48, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 menetapkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti boleh membuat peraturan-peraturan bagi penjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan hal-hal lain berkaitan dengannya. Sehubungan itu, pengendalian proses pemilihan MPP pada masa ini dijalankan oleh pengurusan tertinggi universiti masing-masing tanpa campur tangan pihak luar.

Kementerian percaya pengurusan universiti masih mampu mengendalikan proses pemilihan MPP dengan baik. Jika terdapat aduan daripada peajar berkenaan kelemahan dalam proses pemilihan termasuk kelemahan dalam penggunaan sistem eundi, maka pihak pengurusan universiti perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menambahbaik proses pemilihan sedia ada.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH: 29 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Gobalarrishnan a/i. Nagapan [Padang Serai 1 minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk pekerja-pekerja tempatan di kilang yang tidak mendapat bantuan sepenuhnya daripada majikan apabila mereka ditimpa kemalangan di tempat kejaya.

PR-1231-L36900

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pekerja-pekerja tempatan yang bergaji RM3,000.00 sebulan dan ke bawah adalah diwajibkan untuk mencarum bagi dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Sekiranya mereka ditimpa kemalangan di tempat kejaya, mereka akan dibayar pampasan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan. Sekiranya seseorang pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kejaya dan tidak mendapat pampasan hendaklah membuat aduan ke Pejabat PERKESO yang terdekat dan jika didapati majikan tidak melapor atau lewat melapor kemalangan atau gagal mendaftar pekerja dan gagal membayar caruman serta mencarum, majikan itu boleh diambil tindakan dibawah Seksyen 94 Akta

Keselamatan Sosial Pekeija 1969.

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping itu, di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), majikan adalah bertanggungjawab untuk memberitahu secepat mungkin kes kemalangan atau penyakit pekerjaan yang telah terjadi di tempat kerja yang mana sekiranya mereka gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan dibawah Akta tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi pekerja yang mencarum kepada PERKESO dan mendapat hilang upaya kekal, PERKESO ada menyediakan Program *Return To Work* bagi membolehkan mereka kembali bekerja ke atas jawatan yang asal atau jawatan baru di tempat kerja lama atau ditempat kerja yang baru.

<D<R(15 Mac-15 fipriC 10)/fias...2.3.10/Jl6duCCa(i Sani/L35970

NO. AUM : 73

NO.AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

DARIPADA

29 MAC 2010

TARIKH

2408

SOALAN
ROJOKAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) keputusan siasatan laporan polis atas kenyataan hasutan oleh Datuk Nasir Safar di seminar Rapat 1 Malaysia pada 2.2.2010; dan

- (b) apakah kedudukan Datuk Nasir sebagai seorang penceramah untuk seminar itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), Datuk Nasir Safar adalah sebagai Pegawai Khas Y.A.B. Perdana Menteri yang merupakan penceramah pertama di dalam Seminar Rapat 1 Malaysia dengan ceramah bertajuk Gagasan 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, isi kandungan ceramah yang disampaikan merupakan pandangan peribadi beliau dan bukannya mewakili Y.A.B. Perdana Menteri.

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU minta PERDANA MENTERI menyatakan:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- (a) Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh mendaftar penaundi-penaundi secara automatik apabila genap 21 tahun dari daftar Jabatan Pendaftaran Negara secara intergrasi automatik (*Automatic Integrated System*) dan
- (b) rakyat Malaysia yang bekerja di luar Negara tidak dibenarkan mengundi tetapi kakitangan kedutaan dibenarkan. Apakah rasional untuk diskriminasi seperti ini.

JAWAPAN: Y. B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDAN MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi akibat berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contoh, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu

alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin.

2

Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhawatir ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhawatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjasaskan imej negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

- (b) Mengenai warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara tetapi tidak mendapat mengundi. Perlu dijelaskan di sini bahawa Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang menetapkan hanya warganegara Malaysia yang menjadi anggota Perkhidmatan Awam Malaysia yang sedang berkhidmat yang bertugas di luar Negara serta

pasangan mereka dan para pelajar yang menuntut sepenuh masa di luar Negara serta pasangan mereka sahaja, jika telah mendaftar sebagai pemilih, berhak mengundi, digubal berdasarkan Perkara 119 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, tidak timbul soal diskriminasi kerana pelaksanaan tersebut dibuat mengikut Undang-undang yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH 29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

\ '

A

Dr. Ramasamy a/i Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan menubuhkan Suruhanjaya untuk menyiasat tuduhan-tuduhan bahawa bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohammad telah membazirkan lebih dari RM100 bilion wang rakyat dalam pemberian kontrak bagi projek-projek besar yang dicemari dengan skandal dan amalan rasuah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang di-Pertua,

Sehingga kini masih tiada sebarang laporan dibuat kepada pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan dakwaan tersebut terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad. Sehubungan itu, tiada apa-apa siasatan dijalankan atas dakwaan-dakwaan terbabit.

Selain itu juga, kuasa mutlak bagi menubuhkan Suruhanjaya untuk menyiasat dakwaan yang terbabit terletak pada Yang Di-Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*].

Sekian. Terimakasih.

NO SOALAN:

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA
 [BACHOK]

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA[BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Akta Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam di kalangan Orang Islam) menurut Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan hendak dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
 HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN
 PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan amat menyedari keperluan Rang Undang- Undang Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Kawalan dan Sekatan) (Wilayah-Wilayah Persekutuan). Sehubungan itu, Kerajaan bercadang akan membentangkan pada sessi Mesyuarat Kedua, yang di jangka pada bulan Jun 2010. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam dikalangan orang-orang Islam demi menjamin kesucian agama Islam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DR. TAN SENG GIAW (DAP)

(KEPONG)

TARIKH

29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dr. Tan Seng Giaw (DAP) (Kepong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan bilangan bayi yang telah didera, dibunuh atau dibuang di dalam 10 tahun ini serta faktor-faktor yang berkaitan dengannya. Apakah dasar dan langkah untuk mengatasi permasalahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab untuk menyelamatkan kanak-kanak dan bayi mangsa penderaan atau yang dibuang berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak termasuk bayi yang telah didera bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2000 hingga 2009 adalah

seramai lima belas ribu sembilan ratus enam puluh lapan (15,968) orang.

Statistik dari Polis DiRaja Malaysia pula mencatatkan kes buang bayi sebanyak lapan ratus lima belas (815) kes bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2000 hingga 2009. Daripada jumlah tersebut, tiga ratus lapan puluh dua (382) orang bayi yang dibuang masih hidup manakala empat ratus tiga puluh tiga (433) orang bayi pula telah mati.

Berdasarkan kerja kes yang dikendalikan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, antara faktor-faktor berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak dan bayi termasuklah tekanan di tempat kerja, tabiat kanak-kanak dan bayi kecil yang suka merengek, kanak-kanak dan bayi yang terlalu aktif, masalah kewangan, krisis rumah tangga dan kurangnya pendidikan agama di kalangan ibu bapa.

Bagi kes bayi dibunuh atau dibuang, faktor-faktor penyebab termasuklah :

- i) perasaan takut dan malu oleh kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah kerana tidak mendapat sokongan keluarga mengenai kehamilan mereka;

- ii) perasaan takut dihukum kerana kesalahan kehamilan luar nikah sekiranya masyarakat umum mengetahuinya;
- iii) bayi yang dilahirkan dengan kecacatan menjadi beban kepada keluarga dan tidak diterima sepenuhnya;
- iv) kurang pendidikan keagamaan menyebabkan kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah mengambil jalan mudah tanpa memikirkan akibatnya;
- v) tiada pengetahuan mengenai khidmat bantuan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah seperti khidmat kaunseling, perkhidmatan perlindungan untuk diri dan anak yang bakal dilahirkan; dan
- vi) wanita pendatang asing tanpa izin yang hamil takut diusir apabila memohon pertolongan dan bantuan tentang kehamilan mereka.

Kementerian memberi perhatian serius kepada isu penderaan kanak-kanak di masa ini, selaras dengan tumpuan KPWKM untuk tahun 2010 iaitu,

dengan izin, “*Safe Childhood*”. Bagi merealisasikan usaha ini, Kementerian tekah menggubal Dasar Kanak-Kanak Negara dan Dasar Perlindungan Kanak-kanak berserta Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara yang diluluskan pada 29 Julai 2009. Dasar Kanak-kanak Negara memberi penekanan kepada elemen kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan, perkembangan, penyertaan, advokasi dan penyelidikan dan pembangunan demi kesejahteraan kanak-kanak.

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan beberapa inisiatif lain untuk menangani masalah ini termasuklah:

- i. Mengadakan program-program kesedaran kepada ibubapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing untuk menentukan keselamatan kanak-kanak seperti Program SMARTSTART, Modul Kasih dan Parenting @ Work;
- ii. Menggalakkan penubuhan TASKA Komuniti sebagai program pencegahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak. Taska Komuniti adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membantu ibu

bapa yang berpendapatan rendah mendapatkan jagaan yang selamat bagi anak-anak mereka semasa ibu bapa keluar bekerja;

- iii. Mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) bagi menyelaraskan perkhidmatan sokongan kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan termasuklah mengadakan program advokasi serta intervensi yang diadakan seperti seminar, bengkel, ceramah, kursus, motiviasi, bimbingan serta kaunseling;

Menyediakan perkhidmatan Talian Nur nombor 15999 bagi memudahkan masyarakat untuk membuat laporan jika mendapati kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau penjaga;

Menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak terutama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Kementerian Pelajaran, agensi kerajaan berkaitan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat bagi meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kanak-

kanak; dan

Menubuhkan Majlis Penyelarasan bagi Perlindungan Kanak-Kanak selaras dengan peruntukan yang termaktub di dalam Akta Kanak- Kanak 2001 yang memberi penekanan kepada elemen menyelamat, melindungi dan memelihara kanak-kanak yang dianiyai dan didera. Penubuhan Majlis tersebut secara tidak langsung dapat membangunkan program bagi mendidik masyarakat melalui pewujudan Pasukan Perlindungan Kanak- Kanak (di bawah Sub seksyen 7(1) Akta Kanak-Kanak 2001 Pasukan Perlindungan Kanak- Kanak hendaklah ditubuhkan di seluruh Malaysia).

Soalan No : 61

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA** Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

(KUALA TERENGGANU)

TARIKH : **29.03.2010**

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU]
minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk
menambah bilangan Sekolah Menengah Agama dan mewujudkan Sekolah
Rendah Agama di Negeri Terengganu. Sila nyatakan mengapa tidak ada
pengambilan guru-guru baru J-QAF pada tahun ini.

JAWAPAN

*

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan memberi peluang kepada semua murid untuk mendapat pendidikan yang mereka minati termasuk dalam aliran agama. Sehingga Januari 2010, terdapat 55 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 156 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar dengan KPM di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Terengganu terdapat 6 buah SMKA dan 14 buah SABK. Jumlah tersebut dapat menampung keperluan murid yang mengikuti aliran agama. Selain daripada SMKA dan SABK tersebut, murid juga berpeluang mengikuti kelas aliran agama yang ditawarkan di sekolah menengah harian terpilih. Begitu juga dengan Sekolah Agama Negeri (SAR) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang terdapat di Terengganu. Bagi isu

pengambilan guru j-QAF, dakwaan bahawa tiada ambiian pada tahun ini adalah tidak benar. Ambiian tahun 2010 akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini berdasarkan unjuran yang telah dibuat oleh KPM melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

Rjm 48

NO. SOALAN : £

a. PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB PUAN TERESA KOK SUH SIM

[SEPUTEH]

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta PERDANA MENTERI menyatakan syarikat yang dilantik oleh kerajaan untuk melancarkan kempen “1 Malaysia” dan jumlah kos terlibat dalam seluruh kempen tersebut. Sila nyatakan maksud sebenar “1 Malaysia” dan kesannya ke

atas UMNO dan komponen parti BN selepas kempen ini dilancarkan.

JAWAPAN : (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Konsep 1 Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian dan agensi kerajaan telah menjayakan pelbagai program dan usaha untuk mempromosikan gagasan ini. Kerajaan tidak ada melantik syarikat perhubungan tempatan dan luar negara untuk mempromosikan 1 Malaysia secara khusus.

YAB Perdana Menteri telah menyatakan gagasan 1 Malaysia ialah untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seterusnya menjadi amalan setiap rakyat. Adalah menjadi harapan kita gagasan 1 Malaysia mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara. Semestinya ini merupakan harapan semua rakyat dan parti politik.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: &3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARikh : 29 MAC 2010

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau akan menyiasat Menteri-menteri yang mana pembantu-pembantu mereka sedang djsiasat atas salah guna kuasa dan rasuah.

JAWAPAN DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Kuala Krai, perlakuan jenayah rasuah adalah berkaitan dengan integriti individu. Perlakuan tersebut mungkin dilakukan secara sendirian dan adalah tidak adil untuk mengaitkan jenayah tersebut dengan menyiasat mana-mana Menteri kerana ianya dilakukan di luar pengetahuan mereka.

Kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak akan berkompromi dengan sesiapa sahaja yang terlibat dalam jenayah rasuah atau *they will be no stone untum* (dengan izin) dalam

menyiasat kesalahan tersebut hingga ke akar umbi tanpa mengira kedudukan atau latar belakang mereka sekiranya terdapat aduan yang jelas mereka turut sama terbabit dalam perlakuan jenayah tersebut.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN KULASEGARAN A/L
MURUGESON [IPOH BARAT]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

29 MAC 2010(ISNIN)

SOALAN

NO. 64

SOALAN

**Y.B. Tuan Kulasegaran A/L Murugeson minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau
Dan Air menyatakan**

- (a) kenapakah kuasa solar tidak diimplementasikan di negara ini; dan
- (b) memandangkan negara-negara maju sedang mengaplikasikan sistem ini. Apakah halangan yang mengakibatkan kita mundur dalam teknologi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
(§1**

Penggunaan kuasa solar bagi penjanaan elektrik sebenarnya sudah mula diimplementasi di negara ini. Kementerian dengan kerjasama *Global Environment Facility (GEF)* telah melaksanakan projek *Malaysia Building Integrated Photovoltaic (MBIPV)* di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Obiektif penubuhan dan peranan projek MBIPV ini adalah dengan tujuan untuk

mempromosi pengunaan fotovoltaik pada bangunan secara lestari dalam usaha untuk mengurangkan kos ianqka panjang *Building Integrated Photovoltaic (BIPV)* di negara ini. Projek MB1PV mensasarkan penianaaan elektrik menggunakan tenaga solar beriumlah 1,500 kW di sepanjang tempoh pelaksanaannva-RMKe- 9.

-Program ini memberi peluang kepada orang ramai untuk memasang sistem solar di rumah kediaman atau bangunan masing-masing bagi menjana tenaga elektrik daripada cahaya suria dengan mendapat diskaun daripada pihak Kerajaan. Diskaun di- arttar-asebanyak 40% sehingga 75% daripada harga pasaran sistem solar telah ditawarkan kepada orang ramai bagi faiuaftdi bawah program ini sejak tahun 2005. Setelah dipasang, tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sistem solar tersebut boleh digunakan terus bagi mengurangkan bil tenaga elektrik (*set-off*) pada kadar tarif tenaga elektrik sekarang.

Walau bagaimanapun. Penggunaan kuasa solar di negara ini masih tidak dapat di implementasi secara meluas disebabkan oleh beberapa halangan kefarta terdapat beberapa kekangan -terutamanya kos pelabuhan-sistem solar yang masih tinggi buat masa ini.

Tuan Yang Dipertua.

M

Bagi soalan kedua, seperti yang saya katakan tadi, salah satu halangan utama kepada pembangunan kuasa solar di negara kita ialah kos pelaburan yang tinggi disebabkan oleh kos solar panel atau *photovoltaic* yang tinggi pada masa kini. Melalui projek MBIPV, kos pemasangan sistem solar PV sambungan ke grid pihak utiliti telah berkurang sebanyak 25% daripada *baseline* pada RM31.00 per

/Wp pada tahun-f 2005} kepada RM23.00 per (Wp) pada tahun 2009 /We (2-QQ0)-
kerana pembangunan pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, insentif yang disediakan pada masa ini adalah terhad dan masih belum berupaya mencetus pertumbuhan kuasa solar yang tinggi tapi hanya sebagai *kick-start* bagi memperkenalkan penggunaan kuasa solar di Malaysia.

Untuk menggalakkan lagi penggunaan kuasa solar di negara ini, Kementerian sedang dalam proses untuk memperkenalkan Dasar Dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu yang merangkumi mekanisme yang akan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu di negara ini termasuk kuasa solar. Adalah diharapkan bahawa pelaksanaan mekanisme ini akan dapat membantu meningkatkan *viability* bagi penggunaan tenaga solar di negara ini dan seterusnya meningkatkan lagi penggunaannya di masa akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN DR RAMASAMY A/L PALANISAMY
 [BATU KAWAN]

TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia tidak mengagihkan peruntukan kepada Ahli-Ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat seperti yang diberikan kepada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional dan adakah dasar berat sebelah ini akan diubah pada masa yang terdekat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan peruntukan kepada Ahli-Ahli Parlimen. Peruntukan Khas yang disediakan adalah bagi Kawasan Parlimen dan Kerajaan mempunyai mekanisme tersendiri untuk menguruskan peruntukan ini melalui Pejabat Pembangunan Negeri.

Kerajaan berpuas hati dengan mekanisma pelaksanaan program ini dan tidak bercadang untuk mengubahnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB.DATO' HAJI MAHFUZ OMAR
TARIKH	[POKOK SENA] 29 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kementerian/ jabatan dan agensi kerajaan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang terlibat dalam program Juara Rakyat yang dianjurkan oleh UMNO di seluruh negara dan berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan dan dibelanjakan oleh kementerian/ jabatan dan agensi Kerajaan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan kementerian/ jabatan kerajaan dalam Program Juara Rakyat adalah pada tahap yang minima. Contohnya ialah Polis dan RELA yang menjaga keselamatan dan lalulintas. Ini merupakan tugas biasa mereka. Jabatan lain seperti Penerangan terlibat dalam hebahan Radio FM di negeri yang berkaitan.

Jabatan seperti KEMAS, MADA, KADA, Felda, Felcra, MARA, Pertanian, Veterinar pula terlibat menjadi perantara untuk usahawan-usahawan di bawah kelolaan mereka agar mempamerkan produk-produk keluaran Bumiputera. Usahawan berkaitan yang terlibat mempamerkan produk tanpa penglibatan terus oleh agensi. Pameran pula adalah percuma. Kaunter SPR untuk

mendaftar

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

pemilih juga disediakan percuma oleh urusetia Juara Rakyat. Begitu juga penglibatan GLC seperti Petronas (hanya sekali sahaja) dan Tabung Haji mempamerkan produk mereka dengan disediakan kaunter percuma.

Oleh itu kos yang terlibat sukar ditentukan kerana pameran yang diadakan adalah tanpa bayaran kepada urusetia program, ia adalah bajet sedia ada di jabatan/ agensi berkaitan untuk mempamerkan bahan penerangan yang mereka sudah pun miliki. Di sesetengah tempat, padang sekolah digunakan. Segala kos pembersihan diurus oleh urusetia program. Adalah dimaklumkan yang kehadiran Program Juara Rakyat terbuka kepada semua kaum dan tanpa mengira latar belakang fahaman politik mereka.

Mengenai pengumuman YAB. Perdana Menteri bagi pembaikan bumbung dan penyelenggaraan bangunan 52 unit pangsapuri di Bukit Sentosa, Hulu Selangor berjumlah RM 15.6 juta itu adalah merupakan atas kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri. Beliau boleh meluluskan apa juga peruntukan melalui Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri untuk kepentingan rakyat. Ini adalah sesuai dengan kaedah konsep *walk about / tinjauan mesra* beliau di mana-mana tempat ketika beliau turun padang, bukan hanya ketika Program Juara Rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]
TARIKH 29 MAC 2010

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kedudukan wabak denggi dan berikan angka kes dan kematian untuk tahun ini dan tahun lepas untuk setiap negeri. Apakah tindakan yang diambil untuk mencegahnya di Pulau Pinang. Nyatakan juga program Kementerian dan kosnya di Pulau Pinang tahun ini Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan yang lain menyentuh isu berkaitan penyakit demam denggi iaitu pertanyaan daripada YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd.Muttalib (Maran) bertarikh 8 April 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2005, sejumlah 39,686 kes denggi telah dilaporkan di seluruh negara dan ia meningkat kepada 49,335 kes dalam tahun 2008. Sepanjang tahun 2009, terdapat penurunan jumlah kes demam denggi sebanyak 16% iaitu 41,486 kes berbanding dalam tahun 2008. Bilangan kematian disebabkan denggi juga menurun dari 112 kes dalam tahun 2008 kepada 88 kes pada tahun lepas. Sembilan negeri menunjukkan bilangan kes denggi yang tinggi dengan Selangor mencatatkan sebanyak 18,676 kes iaitu 45% dari keseluruhan kes, diikuti oleh Sarawak (4,490 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur-Putrajaya (3,746 kes), Perak (2,734 kes), Johor (2,528 kes), Pulau Pinang (2,444 kes), Sabah (1,170 kes), N. Sembilan (1,057 kes) dan Kelantan (1,031 kes). Lain-lain negeri mencatatkan bilangan dibawah 1,000 kes dalam tahun 2009.

Bagi tahun ini, sehingga 20 Mac 2010, negeri Selangor, Sarawak dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya masih mengekal 3 tempat teratas bilangan kes dilaporkan. Selangor mencatatkan 5,274 kes, Sarawak 1,496 kes dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya 1,223 kes. Sehingga 20 Mac 2010, jumlah terkumpul kes demam denggi yang dilaporkan adalah 11,360 kes, penurunan sebanyak 12% berbanding dengan 12,933 kes yang dilaporkan dalam tempoh yang sama bagi tahun 2010 (Lampiran 1).

Bagi negeri Pulau Pinang bilangan kes yang dilaporkan sehingga 20 Mac 2010 adalah sejumlah 280 kes demam denggi, menurun sebanyak 56% berbanding 634 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2009. Untuk makluman Ahli Bagan, Kerajaan Pusat telah membelanjakan sebanyak RM 4,216,447.54 juta bagi mengawal denggi di Pulau Pinang dalam tahun 2009. Pada tahun ini jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 juta untuk kawalan denggi dan akan ditambah mengikut keperluan.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun wabak denggi sudah menunjukkan tren yang menurun hasil usaha yang berterusan namun Kementerian Kesihatan masih tidak berpuas hati memandangkan bilangan kes yang masih tinggi.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai usaha memerangi denggi diseluruh Negara dengan langkah-langkah seperti berikut iaitu:

- a. Melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Denggi Kebangsaan yang bermula April 2009 bagi tujuan memperkuuh dan mempertingkatkan aktiviti kawalan denggi, dengan matlamat mengurangkan bilangan kes sebanyak 10% setiap tahun. Pelaksaan telah menunjukkan kesan positif di mana bilangan kes berjaya dikurangkan sebanyak 16% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008.
- b. Meningkatkan kerjasama dengan Pihak Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam aktiviti kawalan Demam Denggi di mana sehingga bulan 20 Mac 2010, sebanyak 5,963,496 premis telah di sembur kabus (fogging) sementara 189,608 premis di bubuh racun pembunuhan jentik-jentik di seluruh Malaysia. Di samping itu, kerajaan telah mengedarkan racun pembunuhan jentik-jentik secara percuma kepada orang ramai untuk mengawal pembiakan Aedes

di sekitar rumah mereka.

- c. Penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dipertingkatkan terhadap premis yang mempunyai pembiakan Aedes, di mana pada tahun 2010 sehingga bulan Januari, sebanyak 281,994 premis telah diperiksa dan 6,602 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Sejumlah 1,443 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM 243,550 dan 32 daripada 120 kes yang telah dirujuk ke mahkamah telah dikenakan denda bernilai RM 5,010.
- d. Kementerian Kesihatan akan meneruskan Kempen 10 Minit dan Kempen Media dengan tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya nyamuk denggi dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu, untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Masyarakat juga diingatkan untuk melaksanakan aktiviti gotong-royong bagi kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi atau tidak bersih, khususnya di kawasan-kawasan panas (hot spots) dimana wabak telah berlarutan lebih daripada sebulan. Perlu ditegaskan, semburan kabut racun serangga semata-mata tidak akan dapat menamatkan wabak selagi tempat-tempat pembiakan Aedes tidak dimusnahkan. Ini adalah kerana nyamuk-nyamuk dewasa yang membawa denggi akan muncul semula dan menyebarkan penyakit tersebut selepas semburan. Dari pemantauan Kementerian, sebahagian besar (78 %) tempat-tempat pembiakan adalah didalam rumah atau persekitarannya. Oleh itu masyarakat perlu memainkan peranan mereka menghapuskan tempat-tempat pembiakan tersebut.
- e. Kerajaan juga berusaha meningkatkan penglibatan ketua masyarakat dan masyarakat setempat dalam melaksanakan aktiviti pengurangan sumber pembiakan nyamuk (source reduction) melalui pelaksanaan Program COMBI (Communication for Behavioural Impact) dan aktiviti gotong-royong atau aktiviti yang serupa dengannya. Sehingga kini, terdapat 661 bilangan lokaliti yang bermasalah dengan telah melaksanakan Program COMBI dengan penyertaan seramai 16,563 sukarelawan dan lebih memberansangkan 62% daripada lokaliti ini

berjaya menghalang kejadian atau peningkatan kes denggi di kawasan masing-masing.

Seperti yang kita sedia maklum, usaha untuk mencegah jangkitan Demam Denggi adalah tanggung jawab semua pihak dan masyarakat. Program dan aktiviti pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan hanya akan berjaya dengan penglibatan masyarakat dan agensi kerajaan serta bukan kerajaan dalam aktiviti ini. Mempastikan persekitaran yang bersih, tidak membuang sampah merata-rata dan tiada tempat-tempat pembiakan Aedes, akan dapat mencegah penyakit demam denggi dengan lebih kos effektif. Pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Ahli-ahli parlimen, juga mempunyai peranan penting dalam mengerakkan masyarakat menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di kawasan masing-masing, khususnya di kawasan-kawasan panas. Dari sejumlah 57 kawasan panas sehingga 20 Mac, 39 atau 68% terletak di Selangor dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya. Pemeriksaan Jabatan Kesihatan mendapati kadar pembiakan Aedes adalah tinggi sehingga mencecah 25% di kawasan-kawasan ini manakala aktiviti penglibatan masyarakat sangat rendah dengan hanya 20% menjalankan aktiviti gotong-royong. Oleh itu masyarakat dan pemimpin setempat termasuk Ahli-ahli Parlimen perlu mengambil tanggungjawab bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes bagi mencegah wabak denggi dari berterusan. Selagi ada Aedes, selagi itu akan ada denggi.

TARIKH

29 MAC 2010 (ISNIN)

DARIPADA

**Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan muatan dan tarikh sebenar penutupan tapak pelupusan sampah dan langkah-langkah pengurusan susulan di Bukit Bakri, Muar. Apakah perancangan pemulihan dan pembangunan tapak tersebut di masa kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak pelupusan sisa pepejal di

Bukit Bakri, Muar adalah sebuah tapak bukan sanitari yang tidak mempunyai sebarang kelengkapan untuk menangani pencemaran alam sekitar dan melindungi kesihatan awam. Pada ketika ini, tapak tersebut menerima sisa pepejal sebanyak 300 tan sehari. Tapak ini telah hampir penuh kapasitinya dan usaha untuk membina tapak sanitari yang baru di Pagoh, Muar bagi menggantikan tapak di Bukit Bakri ini sedang dijalankan. Sementara menunggu tapak baru tersebut siap dibina, tapak pelupusan di Bukit Bakri sedang dinaiktaraf bagi menampong sisa pepejal selama tiga tahun lagi. Usaha menaik taraf ini adalah usaha sementara bagi menangani pencemaran alam sekitar dan melindungi kesihatan awam. Sebaik sahaja tapak alternatif di Pagoh beroperasi dalam tempoh 3 tahun lagi, tapak di

Bukit Bakri ini akan ditutup selamat lengkap dengan lapisan HDPE (*high density polyethylene*) dan loji rawatan yang akan melindungi sumber air dan kawasan sekitar daripada tercemar oleh air larut resap disamping kelengkapan menangani pelepasan gas metana. Tapak ini akan diwartakan sebagai tapak pelupusan sisa pepejal dan dimasa hadapan akan hanya digunakan sebagai kawasan lapang atau rekreasi.

Pembangunan lain tidak akan dibenarkan.

SOALAN NO : 09

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL

[MACHANG]

TARIKH 29 Mac 2010

SOALAN

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini projek jalan raya baru laluan Wakaf Che Yeh, Kota Bharu ke Kuala Krai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Baru Dari Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 73 km, telah pun dirancang sebagai jalan alternatif baru kepada jalan persekutuan FT 008 iaitu Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai yang mana pada masa ini kerap mengalami kesesakan lalulintas.

Projek ini telah pun dirancang setakat rekabentuk dan pengambilan balik tanah dalam tempoh RMKe-9. Manakala pembinaannya dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Oleh itu, Kementerian ini telah pun memohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.

NO. SOALAN : 'tf>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

TARIKH

29 MAC 2010

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan Malaysia untuk mengupah APCO Worldwide dan apakah keupayaan dan pengalaman APCO.

JAWAPAN : (DATO' SERIMOHAMEDNAZRIBINABDULAZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Pembayaran untuk perkhidmatan APCO bergantung kepada pelaksanaan sebenar program komunikasi yang telah ditetapkan. Ini termasuklah mengambil kira tempoh perkhidmatan, jumlah pekerja dan jenis perkhidmatan yang disediakan. Jumlah sebenarnya hanya dapat

ditentukan selepas tamatnya kontrak-kontrak tersebut.

APCO merupakan sebuah syarikat perunding global yang menyediakan perkhidmatan komunikasi dan mempunyai 29 buah pejabat di seluruh dunia. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan komunikasi kepada banyak negara termasuk institusi dunia seperti Bank Dunia, Bangsa- Bangsa Bersatu dan *“European Commission”*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI PASIR MAS
KAWASAN 29.3.2010 (Isnin)
TARIKH NO. PI

SOALAN Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan jumlah kemasukan modal pelabur asing
(FDD semeniak tahun 2008 sehingga Januari 2010.
Pelabur negara manakah mendahuluinya dan sektor
manakah mempunvai jumlah yang terbesar dan sejauh
manakah

—JUR-Jp. ^ X'trif'h* K - - -< maninfivat^n
w<, — ITIWIF 1 1 ' > \ M
Ckitfs no ms n ofia ra

serta jumlah pekerjaan yang dapat diwujudkan.

Jawapan:

Tuan Yang diPertua,

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan dalam

sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan bagi tempoh 2008 hingga 2009 bernilai RM68.2 bilion iaitu secara purata berjumlah RM34.1 bilion setahun. Jumlah ini melebihi jumlah tahunan yang disasarkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) iaitu sebanyak RM27.5 bilion.

Dari segi negara sumber pelaburan, lima negara yang telah membuat pelaburan yang terbanvak dari tahun 2008 hingga 2009 adalah:

Australia sebanyak RM13.4 bilion;

Jepun sebanyak RM13.0 bilion;

- Amerika Syarikat sebanyak RM11.0 bilion;
- Hong Kong sebanyak RM5.4 bilion; dan
- Jerman sebanyak RM4.8 bilion.

Dari segi sektor pelaburan pula, lima sektor yang telah menerima pelaburan terbesar adalah:

- elektronik dan elektrik sebanyak RM21.3 bilion;
- produk logam asas sebanyak RM20.8 bilion;
kimia dan produk kimia sebanyak RM8.2 bilion;
- produk mineral bukan metalik sebanyak RM5.8 bilion;

dan

penyelenggaraan makana sebanyak RM2.0 bilion.

Bagi tahun 2008 dan 2009. sejumlah 165.503 peluang pekerjaan diwujudkan daripada projek-projek pelaburan yang diluluskan.

Tuan Yang diPertua,

Malaysia kekal sebagai destinasi yang menarik bagi pelaburan dan terus mendapat perhatian pelabur asing. Kesan positif pelaburan langsung asing ke atas ekonomi Malaysia antaranya adalah:

- menyumbang kepada transformasi sektor perkilangan kepada industri berteknologi tinggi:
- memperoleh imbangan pembavaran melalui perdagangan, perkhidmatan dan akaun modal:
- mewujudkan peluang pekerjaan daripada projek-projek pelaburan yang di laksanakan serta meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan:
- pembangunan industri-industri sampin dan sertai perkhidmatan:
- meningkatkan produktiviti nasional secara positif; pertumbuhan dan pembangunan kawasan-kawasan

perbandaran yang baru: dan

kesan limpahan dan tidak langsung termasuk pemindahan teknologi, meningkatkan pengetahuan syarikat domestik ke atas penyelidikan dan pembangunan.

SOALAN NO: 72

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BERTANYAAN
DARI PADA**

LISAN

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)

TARIKH **29 MAC 2010 (KHAMIS)**

SOALAN Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:

adakah pihak Bank Pertanian bercadang untuk membuka cawangan di sekitar pelabuhan perikanan Tok Bali yang kini sedang pesat pertumbuhan baru di Koridor timur negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam perancangan Bank Pertanian atau kini Agrobank untuk tahun 2010 ini, Agrobank belum merancang pembukaan cawangan khususnya di pelabuhan perikanan Tok Bali. Walaubagaimanapun, dalam perancangan tahun 2010 Agrobank akan membuka 6 (enam) lagi cawangan diseluruh negara termasuk sebuah cawangan di Negeri Kelantan.

Dari kajian Agrobank dan keperluan masyarakat setempat sebuah cawangan tambahan akan dibuka di Kota Bharu dan tahun 2010.

Pada masa kini perkhidmatan Agrobank untuk penduduk sekitar Tok Bali adalah di cawangan-cawangan sediada di Pasir Putih, Bachok dan Jertih yang masing-masing terletak 10 km, 14km dan 16 km dari Tok Bali.

Pembukaan cawangan Agrobank mengambil kira beberapa faktor seperti berikut:

a) KAJIAN DEMOGRAFI

- Keluasan daerah
- Jarak tapak dengan bandar yang terdekat
- Bilangan penduduk dan pecahan mengikut kaum
- Perkhidmatan perbankan sediada

b) AKTIVITI EKONOMI / PERNIAGAAN

- Aktiviti ekonomi yang terdapat di sekitar tapak yang diusahakan penduduknya seperti aktiviti pertanian (termasuk perikanan dan perternakan), industri kecil sederhana, peruncitan, pemasaran.
- Potensi pembangunan daerah

c) KEMUDAHAN MASYARAKAT

- Perkhidmatan perbankan diguna penduduk kini
- Institusi pendidikan yang ada termasuk bilangan sekolah (rendah dan menengah), Institusi Pengajian Tinggi, Maktab dan juga Tadika. Institusi termasuk juga bengkel dan Pusat Latihan yang dijalankan atau diusahakan lain-lain agensi kerajaan dan swasta.
- Kemudahan kesihatan (hospital dan klinik), bekalan elektrik, bekalan air paip, talian telefon dan perkhidmatan pengangkutan (bas dan teksi)
- Kemudahan awam termasuk balai polis, balai bomba, pejabat pos, masjid, stesen minyak dan dewan orangramai.
- Pejabat kerajaan seperti Pejabat Daerah dan pejabat agensi-agensi kerajaan

d) KAJIAN LOGISTIK AGROBANK

- Keperluan kakitangan
- Kos pembukaan cawangan termasuk beli atau sewa bangunan dan kos ubahsuai.
- Kos kelengkapan dan peralatan cawangan
- Peluang atau potensi kemajuan perniagaan cawangan

Soalan No

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)**

TARIKH

29.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (ai) status kuarters guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Naka. Adakah ia memenuhi standard yang ditetapkan oleh Kerajaan dan adakah ia belum memperolehi sijil kelayakan menduduki.; dan**
- (b) status rumah guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang. Benarkah ia tidak boleh digunakan. Mengapa.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuarters guru yang dimaksudkan ini telah dibina mengikut standard dan piawaian yang ditetapkan dan telah memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) yang telah dikeluarkan oleh Pihak Majlis Daerah Padang Terap pada 26 Oktober 2003. Manakala Kuarters Guru di SMK Kuala Nerang ini telah dibina mengikut standard dan piawaian yang ditetapkan dan telah memperolehi CF yang telah dikeluarkan oleh Pihak Majlis Daerah Padang Terap pada 14 Januari 2008.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang mengkaji alternate kegunaan blok-blok kuarters guru yang tidak digunakan termasuk cadangan menjadikan Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan (PLGDP).

Rjm 50

Soalan No

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

2. Penternak ikan separa komersial mempunyai:
 - a. Kolam ikan/ udang air tawar dan laut yang bersaiz 2 hingga 10 hektar;
 - b. Sangkar ikan air tawar dan laut yang mempunyai 30 ke 200 petak bersaiz 3m x 3m; dan
 - c. Tangki yang bersaiz 30 hingga 1,000 meter persegi.